



● BIL 316 ● 6 - 12 JUN 2025 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



KESINAMBUNGAN PENCAPAIAN EKONOMI POSITIF

➤➤ 2-3

Fatwa adalah solusi,
bukan provokasi
➤➤ 6-7

Rangkaian hijau
di Kuala Lumpur
➤➤ 14

Mendidik bukan
mengherdik
➤➤ 16

Banteras juga jenayah rasuah habis-habisan

GOLONGAN BISNES LEGA

LAPORAN: AINI MAWAWI, DEEL ANJER, SERIMAH SALLEHUDDIN DAN AZLAN ZAMBRY

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan seluruh anggota kerajaan diyakini telah melakukan yang terbaik bagi mendepani cabaran ekonomi semasa selain mampu mengawalinya dengan baik.

Perkara itu diakui ahli perniagaan, **Datin Noorizan Ithnin** dengan menolak dakwaan mengatakan ekonomi negara sedang tenat.

Malah Ketua Pegawai Eksekutif MYG Group Holdings Sdn Bhd yang menjalankan pelbagai jenis perniagaan itu memberitahu apa jua dakwaan dilemparkan tidak sesekali melemahkan semangat pemimpin negara untuk mengemudi dan memacu perkembangan ekonomi negara.

"Bercakap tentang cabaran ekonomi, sudah tentu sebagai orang bisnes ia amat memberi kesan. Mahu atau tidak, naik turun ekonomi beri impak besar kepada kami.

"Bagi saya, bukan sahaja Malaysia, malah negara lain pun berdepan dengan masalah ekonomi. Itulah hakikatnya. Jika ada yang tuduh ekonomi negara tenat, itu adalah pandangan masing-masing dari perspektif berbeza.

"Tidak dinafikan, ada yang mendakwa Perdana Menteri tidak bijak dan lemah dalam mentadbir urusan ekonomi negara. Tidak boleh tuduh sebegitu," katanya kepada Wilayahku.

Jelas Noorizan dalam hal tersebut pihaknya yakin setiap pemimpin atau Perdana Menteri mempunyai cara tersendiri setiap kali menangani masalah ekonomi semasa.

"Situasi semasa ekonomi juga berbeza. Jadi tidak adil untuk membandingkan Perdana Menteri (Anwar) dengan pemimpin-



PERDANA Menteri memberi jaminan untuk meningkatkan ekonomi semasa negara dan mengharapkan juga sokongan rakyat.

sebelumnya. Beliau ada caranya.

"Tuduhan ekonomi tenat itu usah diperbesar-besarkan. Tuduhan itulah yang menjadi penghalang mereka yang tidak memahami, untuk bersama-sama kerajaan menaikkan ekonomi negara. Rakyat dan kerajaan kena sama-sama mainkan peranan," katanya.

Beliau juga mengakui tertarik dengan isu kenaikan tarif Amerika Syarikat (AS) dengan jaminan Perdana Menteri bahawa Malaysia tidak akan mengalami kemelesetan ekonomi.

"Jaminan ini sebenarnya melegakan hati saya dan usahawan lain. Kalau tidak, memang hari-hari saya fikir, apalah nanti kesannya," jelas beliau.

Dalam masa yang sama, beliau melihat tindakan Perdana Menteri yang mengumumkan 'sekarang bukan masa laksana projek mega' sebagai satu langkah bijak.

"Saya setuju dengan usaha Perdana Menteri yang mahu mengutamakan projek yang berkepentingan untuk rakyat. Ini secara tak langsung boleh membantu membangunkan sektor perindustrian.

"Cuma cadangan saya, diharapkan kerajaan terus menekankan soal tender terbuka yang dijanjikan. Bukan apa, ini penting agar projek yang

dilaksanakan betul-betul berguna untuk rakyat.

"Bukan itu sahaja, SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) juga kenalah pastikan tak berlaku ketirisan, bebas dari pengaruh lain dan terus mempunyai integriti pada tahap cemerlang.

"Kenapa saya cakap begitu, sebenarnya rasuahlah antara faktor yang memberi kesan buruk kepada ekonomi negara. Jika SPRM dan kerajaan terus perang rasuah, insya-Allah ekonomi negara pun akan terus baik dari semasa ke semasa," tegasnya.

Beliau memberitahu bahawa jika jenayah rasuah tidak dibanteras habis-habisan, ia akan membantutkan kemajuan ekonomi negara di tengah-tengah ketidakpastian global ini.

"Buatlah apa-apa perancangan hebat pun, jika rasuah tidak dibendung atau sekadar cakap-cakap, ia boleh menyebabkan kita terus mundur," tambahnya.

Antara projek berkepentingan rakyat di 12 negeri contohnya Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP) sebagai hab hijau berteknologi tinggi pertama di Asia Tenggara oleh SD Guthrie dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) di Perak.

Selain itu, Projek Tebatan Banjir Berkeutamaan Tinggi melibatkan sungai-sungai di Pahang; Pembinaan Jalan Pintasan Cameron Highlands; Projek Pelebaran Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) kepada enam lorong Fasa 3 dari Simpang Renggam ke Machap, Johor serta Pembinaan Loji Rawatan Air Machang, Kelantan. 



NOORIZAN

Landasan terbaik capai sasaran

PENGURANGAN defisit fiskal Kerajaan Persekutuan kepada RM21.9 bilion pada akhir Mac lalu, berbanding RM26.4 bilion akhir Mac 2024, jelas menunjukkan kedudukan kewangan kerajaan berada pada landasan yang baik.

Malah trend sedemikian juga membolehkan kerajaan mencapai sasaran defisit 3.8 peratus (%) untuk tahun ini, seterusnya 3.5% pada 2027.

Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, **Profesor Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid** berkata defisit itu berjaya dicapai walaupun Belanjawan Negara 2025 yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Oktober tahun lalu adalah yang terbesar dalam sejarah iaitu

sebanyak RM421 billion.

"Pengurangan defisit menunjukkan kerajaan berjaya mengimbangkan perbelanjaan melalui dasar fiskal yang mengembang untuk terus menaikkan Kadar Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dan pada masa sama memastikan hutang negara berjaya dikawal.

"Kerajaan juga berjaya memastikan pentadbiran dan urusan kewangan ditadbir dengan berkesan untuk mencapai sasaran belanjawan.

"Dasar kerajaan seperti mengurangkan subsidi pukal dan

memperkenalkan subsidi bersasar seperti diesel dan keperluan yang lain jelas tercapai dan dilakukan dengan berkesan," katanya.

Menurut beliau pembaziran belanjawan juga dititikberatkan kepada Kementerian-Kementerian supaya pelaksanaan dasar kerajaan tepat dan efisien.

"Walaupun bagaimanapun, ketidakpastian ekonomi dunia memberi kesan besar kepada sektor eksport negara terutamanya sektor pembuatan seperti elektrik dan elektronik,



AIMI ZULHAZMI

sarung tangan, mesin serta minyak sawit," katanya.

Selain itu, jelas beliau penurunan harga minyak mentah juga bermakna pendapatan kerajaan melalui Petronas turut terjejas untuk tahun 2025 ini.

"Begitupun penyelesaian pengaturcaraan Petronas dan Petros yang baru diselesaikan Perdana Menteri dan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg, minggu lalu sedikit sebanyak memberi nafas kelegaan kepada ekonomi negara dan sektor minyak dan gas khususnya," katanya.

Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan pada akhir Mac 2025 yang berkurangan kepada RM21.9 bilion didorong oleh kutipan hasil yang lebih tinggi dan pengoptimuman

perbelanjaan sejajar dengan inisiatif konsolidasi fiskal.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan memaklumkan hasil Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak tiga peratus berbanding suku yang sama tahun 2024 kepada RM72.1 bilion ekoran kutipan cukai yang lebih tinggi, terutamanya daripada peningkatan hasil Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) serta kutipan cukai pendapatan individu.

Jumlah perbelanjaan menurun sebanyak 2.5 peratus kepada RM94.2 bilion, terutamanya disebabkan pengurangan perbelanjaan subsidi berikutan pelaksanaan program penyasaran subsidi diesel dan harga minyak global yang lebih rendah. 

Peningkatan hasil secara progresif

DAKWAAN bahawa ekonomi negara tenat adalah tidak berasas dan bercanggah dengan data rasmi.

Demikian tegas Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan dan Ekonomi Dewan Rakyat, **Lee Chean Chung** mengenai gambaran menyeluruh prestasi makroekonomi negara dan kedudukan fiskal semasa, selaras dengan komitmen Kerajaan MADANI meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti pengurusan kewangan awam.

Untuk itu jelasnya fakta telah menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia masih berkembang secara mampan.

"Sebagai contoh, defisit fiskal telah menyusut kepada RM21.9 bilion pada akhir Mac 2025 berbanding RM26.4 bilion tahun sebelumnya. Ini adalah petunjuk bahawa strategi fiskal kerajaan sedang membuahkan hasil.

"Laporan Ekonomi Malaysia, Laporan Kewangan Kerajaan serta agensi penarafan antarabangsa kesemuanya mengiktiraf pemulihan fiskal yang beransur kukuh. Naratif bahawa ekonomi sedang merosot tidak mengambil kira hakikat bahawa pemulihan sedang dilaksanakan dengan penuh disiplin meskipun

dalam persekitaran global yang mencabar," jelasnya.

Ahli Parlimen Petaling Jaya ini berkata kerajaan memberi tumpuan terhadap peningkatan hasil secara progresif melalui perluasan asas cukai, pemerkasaan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), peningkatan keupayaan kastam dan pengurusan hasil bukan cukai secara lebih cekap.

"Selain itu, pengoptimuman perbelanjaan pembangunan dan operasi dikaji semula secara berkala untuk mengelakkan ketirisan, penggandaan fungsi serta memastikan nilai untuk wang (*value for money*).

"Akta Audit Negara telah dipinda dan kini Jabatan Audit Negara boleh mengaudit 1,856 syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Kesemuanya akan diaudit menggunakan kecerdasan buatan (AI).

"Sementara itu, dari segi fiskal, Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) yang telah digubal akan menetapkan had dan kerangka fiskal jangka

sederhana agar disiplin fiskal dapat dikekalkan," katanya.

Tambah Chean Chung langkah seterusnya termasuk memperluas digitalisasi sistem hasil dan perolehan kerajaan serta mengkaji semula subsidi secara bersasar agar bantuan sampai kepada yang memerlukan tanpa membebankan fiskal negara.



CHEAN CHUNG

"Kerajaan mengekalkan prinsip konsolidasi fiskal tanpa kemudatan sosial. Ini bermakna sebarang rasionalisasi bajet tidak akan menjejaskan bantuan kepada rakyat terbanyak.

"Sebaliknya, kerajaan memfokus kepada pendekatan penyusunan semula dan penyasaran semula, bukan pemotongan secara membuta tuli. Sebagai contoh, subsidi pukal sedang digantikan dengan subsidi bersasar manakala program bantuan seperti STR (Sumbangan Tunai Rahmah) diteruskan dan ditambah baik.

"Bajet pembangunan juga kekal

sebagai keutamaan khususnya dalam infrastruktur asas, pendidikan dan kesihatan demi memastikan pertumbuhan jangka panjang dan kesejahteraan rakyat tidak terkorban," katanya.

Mengulas lanjut, kata beliau kerajaan akan memperkukuh komunikasi awam berasaskan fakta, data dan ketelusan melalui beberapa langkah.

"Pertama, penyebaran maklumat secara berkala melalui Laporan Kewangan Berkala (*Quarterly Fiscal Report*), penjelasan langsung oleh menteri dan pegawai kanan melalui sidang media dan sesi Parlimen serta penambahbaikan visualisasi dan bahasa laporan supaya mudah difahami rakyat biasa.

"Kerajaan juga bekerjasama dengan ahli akademik, pakar ekonomi dan masyarakat sivil untuk memperluas kefahaman terhadap dasar-dasar ekonomi dan fiskal negara.

"Pengurangan defisit yang berlaku kini bukan hasil langkah sementara tetapi hasil permulaan kepada pembaharuan struktur yang lebih luas contohnya kajian semula sistem subsidi supaya lebih bersasar, memperluaskan skop

cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan reformasi percukaian, Pelaksanaan Akta Tanggungjawab Fiskal dan penstrukturan semula perbelanjaan operasi secara berperingkat oleh badan berkanun dan GLC supaya bakal memberikan dividen lebih kepada kerajaan.

"Semua ini adalah pendekatan jangka sederhana hingga panjang yang bertujuan mengukuhkan kedudukan fiskal tanpa mengorbankan pertumbuhan ekonomi dan keadilan sosial," kata beliau.

Katanya komitmen kerajaan adalah jelas yang mana ketelusan fiskal ialah asas kepada kepercayaan awam.

"Jabatan Perbendaharaan dan Kementerian Kewangan kini sedang memperkukuh penyediaan laporan berkala yang lebih terperinci dan disertakan penjelasan ringkas mengandungi grafik, indikator utama dan trend perbandingan antarabangsa. Ia diterbitkan secara dalam talian dalam bentuk interaktif serta perbincangan yang lebih telus dan mendalam dengan ahli-ahli Parlimen melalui Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan dan Ekonomi," jelasnya. 🇲🇾

Strategi kepelbagaian pasaran beri kelebihan

KUKUH KETAHANAN EKONOMI

JANGKAAN pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang kekal positif bagi setiap suku tahun serta imbalan dagangan dan akaun semasa yang masih berada pada paras sihat merupakan indikator utama kestabilan ekonomi negara ketika ini.

Menurut Pengarah Program MBA di Putra Business School, **Profesor Dr Ahmed Razman Abdul Latiff**, meskipun keadaan global kekal mencabar, Malaysia perlu terus memanfaatkan kekuatan sedia ada bagi memperkukuh daya tahan ekonomi negara dalam tempoh sederhana dan panjang.

"Malaysia kini berada di landasan yang baik apabila mencatat pertumbuhan KDNK suku tahunan yang stabil. Namun, negara tidak boleh selesa. Fokus perlu diberikan kepada jaminan ketahanan ekonomi jangka panjang menerusi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang akan dibentangkan tidak lama lagi," katanya kepada Wilayahku.

Mengulas hala tuju perdagangan, Ahmed Razman berkata Malaysia wajar memperluas jalinan ekonomi menerusi lebih banyak perjanjian perdagangan bilateral, terutama dengan negara-negara yang berpotensi menjadi rakan dagang strategik.

"Kita perlu agresif dalam mencari rakan dagang baharu yang boleh

menyumbang kepada keseimbangan pasaran eksport dan import. Ini penting bagi mengurangkan kebergantungan kepada pasaran tradisional," katanya.

Tambah beliau dengan landskap geopolitik yang semakin kompleks serta perubahan ketara dalam rangkaian bekalan global, Malaysia tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada negara atau pasaran tertentu.

Katanya strategi kepelbagaian pasaran akan memberi kelebihan daya saing, sekali gus membuka peluang baharu kepada pelabur dan pengeksport tempatan.

Dalam pada itu, beliau menekankan cabaran utama negara ketika ini adalah kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan sederhana yang diperlukan industri, sejajar dengan perkembangan teknologi dan automasi.

"Isu ini perlu ditangani secara menyeluruh melalui kerjasama antara kerajaan, institusi pendidikan dan sektor swasta agar tenaga kerja negara benar-benar bersedia menyahut permintaan industri masa depan," katanya.

Ahmed Razman turut menggesa agar kurikulum pendidikan tinggi disusun semula agar lebih berorientasikan kemahiran masa depan (*future skills*) seperti kecerdasan buatan, sains data, kejuruteraan hijau dan teknologi



KURIKULUM pendidikan tinggi perlu disusun semula berorientasikan kemahiran masa depan.

pembuatan pintar.

Beliau percaya langkah ini mampu mengurangkan ketidaksepadanan antara graduan dan kehendak pasaran kerja, sekali gus menambah baik kadar guna tenaga negara.

Menyentuh peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN tahun ini, Ahmed Razman mencadangkan agar negara memberi tumpuan kepada pengukuhan kerjasama serantau, khususnya dalam memacu pertumbuhan ekonomi bersama negara-negara anggota dan blok ekonomi lain.

"Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia perlu menjadi pemudah cara kepada lebih banyak hubungan

ekonomi antara rantau ini dan kuasa ekonomi dunia, sekali gus membuka ruang pasaran lebih luas untuk usahawan tempatan," katanya.

Beliau berkata Malaysia wajar menggunakan kedudukan strategik ini untuk merintis inisiatif seperti perjanjian dagangan serantau yang lebih inklusif, pengharmonian piawaian teknikal serta memperkukuh jaringan pelaburan intra-ASEAN, khususnya dalam bidang seperti tenaga boleh diperbaharui, digitalisasi dan sekuriti makanan.

Beliau turut menyarankan agar segala inisiatif perdagangan, pembangunan modal insan dan perancangan fiskal diharmonikan

di bawah RMK13, demi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan menyeluruh.

RMK13 jelasnya perlu dilihat sebagai pelan hala tuju nasional yang tidak hanya bertujuan meningkatkan angka pertumbuhan semata-mata, tetapi turut merangkumi aspek daya tahan fiskal, kesejahteraan rakyat dan keseimbangan pembangunan wilayah.

Tambah beliau dengan memberi penekanan kepada prinsip inklusiviti dan kelestarian, Malaysia mampu membina asas ekonomi yang lebih kukuh untuk menghadapi sebarang ketidaktentuan global pada masa hadapan. 🇲🇾



AHMED RAZMAN

Deklarasi Kuala Lumpur 2045

JULANG MASA DEPAN BERSAMA

DEKLARASI Kuala Lumpur (KL) 2045 merupakan simbol iltizam dan komitmen kukuh negara-negara ASEAN untuk membina masa depan rantau yang lebih bersatu, berdaya tahan dan berpaksikan rakyat. Inisiatif diterajui Malaysia ini menggariskan arah tuju strategik ASEAN dalam menghadapi cabaran masa depan, termasuk transformasi digital, pembangunan ekonomi hijau dan biru, serta pemeraksanaan modal insan. Bagi mengupas lebih lanjut topik ini, wartawan Wilayahku, **AINI MAWAWI** menemu bual Penganalisis Strategi, Keselamatan dan Hubungan Antarabangsa Universiti Malaya, **COLLINS CHONG YEW KEAT**.

Apakah fokus utama Pemeteraian Deklarasi KL?

Deklarasi KL 2.0 ini lebih berfokus kepada cabaran dan ancaman bukan konvensional seperti impak perubahan iklim, kerjasama ekonomi, pemeraksanaan hubungan sosiobudaya dan *people to people relations*, pembangunan sektor teknologi dan ekonomi berlandaskan masa depan termasuk ekonomi digital, ekonomi hijau, *energy transition* dan kelestarian dan kesaksamaan.

Kesemua ini menjadi teras yang dilihat dapat meraih sokongan dan penglibatan menyeluruh kesemua anggota ASEAN dan dijadikan sebagai medan pemupukan kepercayaan dan perpaduan dan solidariti serantau. Ini selari dengan pendirian Malaysia untuk merapatkan jurang pembangunan, mengatasi kemelut perpecahan dalaman, memacu integrasi serantau dan pelaburan selain perdagangan dalaman ASEAN.

Ia juga mengangkat darjat ASEAN sebagai kuasa besar baharu global secara bersepakat terhadap potensi ekonomi dan kuasa langsung dalam memainkan peranan lebih mendalam mengenai isu dan konflik global termasuk perang tarif, konflik Asia Barat dan kepincangan cabaran perubahan geopolitik baharu.

Bagaimana ia bakal menetapkan hala tuju masa hadapan blok serantau dalam aspek tadbir urus, transformasi digital dan kesiapsiagaan strategik?

Rencana 20 tahun menjadi ruang platform yang sukar untuk ditentukan realiti cabaran yang akan dihadapi, walaupun persediaan



PARA pemimpin Asia Tenggara menerima pakai Deklarasi Kuala Lumpur 2045.

rapi dan komprehensif dicanang dan termaktub dalam deklarasi ini yang dilihat merangkumi hampir semua aspek pembangunan dan faktor perubahan masa depan. Dalam sektor transformasi digital dan kesiapsiagaan strategik, semua ini akan menyaksikan perubahan pantas yang akan menjadikan rencana yang dirancang sekarang mungkin akan menjadi tidak relevan dalam tempoh lima ke 10 tahun akan datang, bahkan dalam masa 20 tahun.

Jadi, tindakan untuk mengadakan *strategic plan review* dalam setiap tempoh masa yang telah dikenal pasti menjadi dorongan dan platform penting untuk mengekalkan momentum dan kesungguhan bersama dalam terus mendepani perubahan dan ancaman baharu.

Bagaimana pula cara marketing Deklarasi KL dalam menonjolkan Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang mempunyai suara di pentas ASEAN sekali gus dunia?

Sememangnya Malaysia menjadi negara pengasas ASEAN dan telah terus memainkan peranan paling utama dalam mengetuai hasrat dan tindakan untuk melonjak kepentingan ASEAN, dan memastikan ia tidak ditelan arus perubahan pantas

dinamika global dan juga pentingnya untuk memastikan sandaran dan sokongan dan kesepaduan menyeluruh dan konsisten oleh setiap anggota ASEAN. Justeru, Malaysia perlu dilihat sebagai pelopor dan penggerak kepada usaha untuk memartabatkan ASEAN dengan cerminan kejayaan Malaysia itu sendiri dalam lakaran wadah baharu kuasa ekonomi dan geopolitik sebagai *emerging middle power* yang boleh bertindak sebagai pengaruh baharu di arena persaingan kuasa dan ekonomi serantau dan dunia.

Bagaimana ia bakal menetapkan hala tuju masa hadapan blok serantau dalam aspek tadbir urus, transformasi digital dan kesiapsiagaan strategik?

Hala tuju akan direncana mengikut acuan dan hasrat yang seiring dengan pendirian dan pendekatan Malaysia untuk meningkatkan kesaksamaan dan keterangkuman, dan menangani jurang pembangunan dan juga jurang impak dalam faktor kesan positif langsung kepada masyarakat ASEAN.

Deklarasi KL menggambarkan tekad negara-negara ASEAN untuk membentuk satu komuniti serantau yang berdaulat, aman dan berkecuali, dengan menolak sebarang bentuk campur tangan asing dan menekankan pentingnya kerjasama dalam mencapai kestabilan dan kemakmuran bersama. Apa pandangan?

Pendekatan lama ini tidak lagi relevan, dan persaingan dan bentuk kuasa baharu akan menuntut percaturan baharu yang mementingkan kepentingan untuk mendapatkan jaminan keselamatan dan cegah rintang berkesan untuk menghindari konflik. Pendekatan sempit yang digunakan sekarang adalah berkisar kepada sandaran diplomasi, dialog dan penggunaan mekanisme seperti TAC untuk mencegah konflik, dan juga sandaran kepada *goodwill restraint by Beijing*, tapi kesemua ini jelas gagal untuk mencapai sasarannya. Konflik dan risiko masih tinggi, dan aktiviti yang melanggar norma dan undang-undang antarabangsa di Laut China Selatan masih menjadi ancaman besar kepada rantau.

Adakah ia juga harus bergerak melangkaui retorik kepada tindakan sebenar dalam isu-isu penting berorientasikan masa hadapan?

Sememangnya, Deklarasi KL perlu lebih berani untuk bebas daripada norma dan pendekatan konvensional, dan terus mengorak langkah untuk mencorak masa depan dan jaminan baharu ASEAN dengan tidak lagi berpaksikan kepada *model centrality* dan *neutrality* ASEAN, dan bertindak untuk mendapatkan jaminan keselamatan ekonomi dan ketenteraan baharu yang boleh menjamin masa depan rantau ini. Potensi ekonomi China tidak akan terjamin dari segi kelestarian tawaran pasaran dan teknologi,

disebabkan kemelut ekonomi dalamannya sendiri, dan kuasa Washington dilihat akan kekal lestari, di mana Washington kekal meraih pulangan *net power advantage* terhadap Beijing. Beijing yang kini berada dalam *peak power capacity*, akan lebih tertekan untuk meraih objektifnya di Taiwan dan untuk menghalang kuasa Washington sekarang yang masih dalam fasa pemulihan, sebelum Washington mendapat status kuasa dominan dan jurang kuasa yang paling tinggi selepas hujung dekad ini. Maka, risiko untuk Beijing bertindak dahulu pada dekad ini adalah tinggi, dan risiko konflik kekal tinggi. Maka, ASEAN perlu pantas bertindak untuk mendapatkan jaminan keselamatan baharu dengan kuasa selain sistem alternatif, dan hanya Washington mempunyai julat dan sokongan kuasa itu sekarang.

Apakah perbandingan serta penambahbaikan Deklarasi KL yang pernah ditandatangani sebelum ini?

Deklarasi kali ini dilihat tidak banyak perubahan dari segi *fundamental strength*, tapi banyak perubahan dan pengubahsuaian mengikut perkembangan terkini dan juga sandaran dan tuntutan masa depan yang berlainan dengan dekad sebelum ini. Ini termasuk sektor digital baharu dan struktur ekonomi yang berlainan, dan keperluan untuk memperkasa keyakinan, kepercayaan dan keterangkuman baharu rantau ini. 

Memastikan kestabilan politik sehingga hujung penggal

HUBUNGAN SESAMA PARTI KERAJAAN TIDAK RETAK

TINDAKAN segelintir pihak menuduh kononnya UMNO sedang bermasalah dengan Kerajaan Perpaduan, agak keterlaluan dan ia merupakan tuduhan berat yang tidak berasas. Ini susulan tindakan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz menghantar surat peletakan jawatan dalam UMNO untuk menyertai PKR.

Untuk itu Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Johari Abdul Ghani menegaskan tindakan diambil Tengku Zafrul tidak menjejaskan hubungan UMNO dalam Kerajaan Perpaduan.

Ia sekali gus menafikan dakwaan segelintir pihak yang mahu melihat hubungan UMNO dan Kerajaan Perpaduan menjadi retak dan tidak lagi seiring.

Menurut Johari, perkara paling penting ialah memastikan kestabilan politik supaya Kerajaan Perpaduan kekal sehingga hujung penggal.

"Kita tidak boleh lagi bergaduh kerana masing-masing ada peranan. Macam saya yang menjadi sebahagian Kerajaan Perpaduan, kita ada tanggungjawab salah satunya adalah untuk memastikan



JOHARI bertanya khabar dengan rakyat ketika menyempurnakan Projek Kampung Angkat MADANI di Johor.

kestabilan politik.

"Kalau tiada kestabilan politik, macam mana kita membangunkan negara? Jadi, soal ini (Tengku Zafrul) tidak menjejaskan pakatan dalam Kerajaan Perpaduan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Penyerahan Projek Kampung Angkat MADANI Kementerian Perlindungan dan

Komoditi di Dewan Serbaguna Taman Melodi Kampung Parit Bilal, Johor, baru-baru ini.

Sementara itu, Johari juga menjelaskan tindakan Zafrul keluar UMNO dan menyertai PKR adalah tidak terikat dengan Akta Antilompat Parti atau Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 (Akta A1663).

Johari berkata ia berikutan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri itu adalah Senator yang dilantik dan bukan ahli Parlimen.

Beliau yang juga Menteri Perlindungan dan Komoditi menegaskan peletakan jawatan Tengku Zafrul dalam parti tidak tertakluk seperti mana dikenakan terhadap ahli Parlimen.

"Saya tiada apa nak ulas, cuma nak ucapkan selamat maju jaya kepada beliau. Dalam politik ini kita tidak boleh memaksa orang," katanya.

Terdahulu Tengku Zafrul mengesahkan penyerahan surat peletakan jawatan sebagai Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) dan Ketua UMNO Bahagian Kota Raja kepada pucuk pimpinan parti.

Ditanya mengenai desakan Ketua Pemuda UMNO agar Tengku Zafrul meletak jawatan sebagai Menteri, Johari berkata kuasa lantikan atau sebaliknya adalah di bawah bidang kuasa Perdana Menteri.

"Ketika beliau (Perdana Menteri) nak membuat keputusan (lantikan menteri), beliau akan bergantung kepada sumbangan parti politik," katanya.

Bukan tindas peniaga kecil

KECOH dalam media sosial kononnya kerajaan tiada perikemanusiaan dan menindas peniaga kecil berhubung isu tong gas petroleum cecair (LPG) untuk kegunaan komersial berwarna ungu dan juga silinder gas bersubsidi.

Terdapat segelintir warganet mendakwa kerajaan hari ini lupa bahawa peniaga kecil itu juga rakyat biasa yang juga berjuang mencari sesuap nasi.

Setelah harga barang atau bahan mentah tinggi melambung, dakwa mereka kerajaan cuba menindas golongan peniaga kecil dengan memperkenalkan tong gas ungu yang menjadi bualan masyarakat hari ini.

Maka berduyun-duyunlah warganet melemparkan pelbagai tuduhan menyatakan kerajaan gagal bela nasib rakyat.

Sabar dahulu. Jangan cepat melenting kerana kerajaan masih waras dan tidak pernah sesekali menindas rakyat apatah lagi golongan peniaga kecil.

Tampil memberi penjelasan, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh menepis pelbagai tuduhan yang tidak berasas.

Menggunakan analogi Makcik Kiah merujuk kepada peniaga kecil, Fuziah berkata peniaga kecil masih boleh menggunakan tong

LPG bersubsidi yang berwarna hijau.

Beliau berkata namun syaratnya, peniaga kecil itu tidak boleh menggunakan lebih daripada tiga tong LPG bersubsidi seberat 14kg pada satu masa dengan jumlah maksimum berat silinder gas adalah 42kg.

"Makcik Kiah tak perlu guna tong *purple* (ungu). Masih ada yang keliru, jadi biar saya jelaskan dengan mudah. Peniaga kecil macam Makcik Kiah masih boleh guna tong gas hijau (subsidi).

"Syaratnya, tidak lebih daripada tiga tong gas 14kg pada satu masa. Ini bermakna, kalau Makcik Kiah guna satu tong untuk goreng pisang, satu untuk mi, satu untuk air, Makcik Kiah masih layak guna tong hijau bersubsidi.

"Tak perlu tukar ke tong *purple*," katanya di Facebook.

Sejak 1 Mei lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengumumkan pelaksanaan Op Gasak bagi mengekang ketirisan serta penyelewengan tong LPG bersubsidi khususnya membabitkan industri berskala sederhana dan besar.

Selain itu, ia bertujuan membanteras penyelewengan melalui aktiviti haram decanting iaitu pemindahan LPG dari tong bersubsidi kepada tong tidak bersubsidi untuk jualan komersial

dan penyeludupan.

Pada masa sama, Fuziah mengingatkan semua pihak supaya tidak menakutkan rakyat dengan

maklumat kurang tepat kerana kerajaan akan terus memastikan subsidi sampai kepada mereka yang benar-benar layak.

Tak semua peniaga wajib guna tong ungu!

Tong Gas Komersial

Tong Bersubsidi

Peniaga kecil masih dibenarkan menggunakan tong bersubsidi (berwarna hijau) tidak melebihi 42kg pada satu-satu masa (kebiasaannya tiga tong gas 14 kilogram). Tong ungu pula dikhususkan untuk kegunaan komersial. Peraturan ini bagi mengelakkan ketirisan subsidi.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

8/6/25: Dragon Boat Festival Run @ Taman Tasik Titiwangsa

14 - 15/6/25: KL Collectors Market @ The Linc KL

31/5 - 29/6/25: Festival Orkestra Kuala Lumpur @ Kuala Lumpur



PUTRAJAYA

5/7/25: Ecotrail Putrajaya

2/8/25: Larian MAPPA XX 2025 Putrajaya @ Dataran Putrajaya

22/10/25: Sambutan Hari Penguatkuasa PPJ @ Dataran Putrajaya



LABUAN

26 - 30/7/25: Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

26 - 28/9/25: Borneo Art Festival @ Ujana Kewangan

19/11/25: Remembrance Day @ War Memorial

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

Kerajaan, pembangkang kena bersatu

FATWA ADALAH SOLUSI, BUKAN PROVOKASI

DILANTIK sebagai Mufti Wilayah Persekutuan yang baharu berkuat kuasa 23 Mei lalu, **SAHIBUS SAMAHAH AHMAD FAUWAZ FADZIL** mahu mengangkat institusi mufti sebagai rujukan utama umat Islam merangkumi semua golongan.

Berusia 44 tahun, beliau antara mufti termuda ketika ini dan berpengalaman luas dalam perundangan Islam. Maka pelantikan beliau dianggap bertepatan, digaul dengan pengalamannya untuk membangun ummah dari sudut perpaduan.

Dalam pertemuan wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED** dan **SERIMAH SALLEHUDDIN** bersama jurugambar, **SYUQQREE DAIN** dan juruvideo, **HASIF HALIMI**, beliau turut diuji persoalan mengenai jenayah rasuah yang dianggapnya sebagai 'hadas besar' yang menghalang kemajuan sesebuah negara.

Malah dalam temu bual pertamanya bersama media ini, beliau beriltizam mahu memasyarakatkan fatwa dengan institusi mufti ini dianggap sebagai 'bapa yang penyayang'.

Sebagai Mufti Wilayah Persekutuan yang baru, sudah tentu Ustaz ada memikirkan untuk membuat sebarang pembaharuan dalam tadbir urus atau juga berkaitan dengan syiar Islam mendepani pelbagai kemaslahatan ummah termasuk panduan-panduan agama yang kini mudah diakses menerusi 'ustaz google' dan kecerdasan buatan (AI)?

Asas yang kita nak buat adalah islah dan juga reformasi, bertepatan dengan negara kita iaitu agenda perubahan. Seperti mana semua sektor ada perubahan, institusi fatwa juga lebih berhajat kepada perubahan dari sudut tadbir urus, tatakelola. Tatakelola ini merangkumi semua, dari sudut pentadbirannya, gerak kerja, fatwa, supaya fatwa ini serasi dengan zaman. Dan kita nak jadikan fatwa ini menjadi rujukan utama daripada semua golongan; orang miskin, orang kaya, korporat, perusahaan kecil dan sederhana, golongan *layman* kerana badan autoriti ini dia bukan saya seorang. Saya mewakili kepada hampir 10 orang dalam jawatankuasa fatwa.

Jadi kita bukan buat kerja seorang, kita ada lebih kurang 101 staf yang bekerjasama di dalam memperkasa, sebab fatwa ini maksudnya apa? Mengajak orang beramal dengan syariah. Jadi kita punya standard fatwa ini insya-Allah apa yang kita keluarkan itu ia *valid*, sebab ia tidak berkuat individu.

Jadi islah yang kita nak buat, yang pertama adalah memasyarakatkan fatwa, supaya ia menjadi satu rujukan utama kepada kerajaan, pemerintah, sektor kerajaan, swasta, masyarakat awam dan semua peringkat (termasuk) artis, pemain bola, supaya kita (institusi mufti) jadi 'bapa yang penyayang'.

Jadi saya istilahkan mufti ini adalah ayah yang penyayang, semua anak kita, anak ini macam-macam (perangainya). Tetapi yang penting ia anak, bukan musuh kita.

Sebab itu kita nak melakukan reform bahawa fatwa dan Jabatan Mufti ini bukan lawan kepada sesiapa, ia bukan lawan kepada kerajaan. Sesetengah masyarakat dia nak mufti ini jenis suka lawan kerajaan, itu tak betul. Ia adalah penasihat kerajaan yang amanah.

Kita guna nama nasihat sebab nasihat ini lemah lembut. Kita bukan macam penceramah yang menjerit sana, menjerit sini. Menjerit tak menyelesaikan masalah tapi ilmu dan fakta. Sebab itu fatwa adalah solusi, bukannya provokasi.

Bagaimana dengan perjalanan fatwa setakat ini? Apakah yang disiarkan di laman web mendapat view yang tinggi?

Sangat (memberangsangkan), kita ada jutaan yang melayari. Mufti dari 1974 sehingga Profesor Madya Datuk Dr Luqman Abdullah (bekas Mufti Wilayah Persekutuan terdahulu) telah melakukan amanah dengan baik. Kita amat berterima kasih dengan semua mufti yang melaksanakan amanah dengan baik dan saya datang untuk menyempurnakan dan menjadi tabiat orang baru kena membuat pembaharuan. Sebabnya, zaman berubah. Zaman mereka sesuai dengan zaman mereka, zaman saya dengan ada AI, dengan ada perkembangan isu terkini, antarabangsa, sebab dengan dunia digital dan media sosial ini kita tak boleh memencilkan diri. Kita kena *explore* kerana maklumat sampai dengan sekelip mata. Jadi kalau Jabatan Mufti *slow* (perlahan), orang akan pergi ke tempat lain. Itu yang pergi ke 'ustaz Google' dan TikTok.

Saya tak tolak semua 'ustaz TikTok' tetapi yang penting ada kelayakan.

Saya inginkan daripada semua masyarakat cari ilmu yang ada autoriti dan yang belajar daripada institusi yang tepat. Sebab motivasi, mungkin kita ada keringanan daripada ceramah ustaz, tetapi fatwa bukan daripada orang yang pandai ceramah, tak semestinya, mungkin kalau pandai ceramah itu kelebihan dia, tetapi fatwa adalah kepakaran dan autoriti serta kelayakan.

Jadi apabila fatwa diambil daripada orang yang tak layak berlakulah fawdaa atau apa yang dikatakan krisis. Itu yang berlaku perbalahan. Jadi tak berlakunya penyelesaian.

Kita memerlukan kepada penyelesaian lebih daripada pertengkaran. Sebab di fatwa, kita namakan fatwa di era MADANI.

Kita bersama kerajaan, bersama-sama membangunkan negara ini, meningkatkan nilai karamatul insan (kemuliaan insan), nak menjadikan fatwa ini menyokong dasar kerajaan dari semua aspek, terutamanya ekonomi untuk menghapuskan kemiskinan tegar, menggalakkan kerajaan memperbanyak peluang pekerjaan dan menggalakkan orang suka bekerja.

Bagaimana pandangan Ustaz mengenai perpaduan ummah dalam konteks Malaysia ketika ini? Wujudnya perpecahan dari segi ideologi politik atau kemazhaban. Baru-baru ini di TikTok ada video yang menegaskan Nabi Muhammad SAW tidak pernah mengatakan baginda sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah, baginda juga tidak pernah mengatakan baginda berpegang kepada mazhab tertentu, tetapi baginda adalah seorang Muslim dan kita perlu kembali kepada ajaran sebenar Rasulullah SAW. Pandangan Ustaz?

Itu dipanggil perkembangan evolusi, sebab Rasulullah SAW adalah sumber rujukan. Satunya baginda bersifat maksum dan tak perlu kepada pelabelan apa-apa, sebab baginda maksum dan rujukan utama. Apabila berlaku evolusi, sudah tentu kita agak jauh dengan Rasulullah SAW dan memerlukan penjenamaan untuk kita memastikan kefahaman kita itu tepat. Dan orang yang faham ini adalah ulama-ulama kita, daripada pelbagai mazhab, al-Ashairah, al-Maturidiyyah, al-Hadith, as-Syafi'i, sebab mereka yang mengkaji Al-Quran dan sunnah. Tetapi istilah-istilah itu bukan sebagai sumber dalil, tetapi sebagai kamus yang menginterpretasikan tindakan Rasulullah. Sebab kita tak boleh faham Al-Quran secara *direct* sebab kita bukan pakar. Jadi, orang salah faham label-label itu seperti mazhab,

ia bukan pengganti kepada agama, ia bukan alternatif, ia kamus yang menafsirkan. Jadi sesiapa yang ambil mazhab as-Syafi'i, seolah-olah dia beramal dengan sunnah Rasulullah sebab sunnah ini macam lombong, apabila Rasulullah bersabda, baginda tak sebut rukun, syarat, sebab, (sebagai contoh) kita nak solat macam mana? Nak bertakbir dahulu, takbir itu rukun atau sunat? Jadi yang menghuraikannya adalah mazhab-mazhab ini. Sebab itu jangan salah faham, orang yang berkata sedemikian (mengenai mazhab) adalah orang yang menganggap mazhab itu alternatif, pengganti kepada sunnah ataupun Al-Quran. Sebenarnya mazhab atau aliran ini bukan menggantikan, ia kamus, ia menginterpretasikan apa yang Rasulullah SAW inginkan. Jadi tidak ada di sana kontradiksi kefahaman.

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas bagi menyediakan sukatan pelajaran pemulihan akidah mangsa dan pengikut sebuah organisasi sebelum ini, apa dapatan utama yang Ustaz lihat kepada permasalahan terpesongnya akidah mereka? Apakah pendidikan Agama Islam di sekolah-sekolah kita masih tidak kuat untuk menjadi benteng kepada berlakunya perkara sebegini?

Sudah tamat (Jawatankuasa Khas). Kita dari sudut *basic* (sangat) *strong*, dari segi Perlembagaan, enakmen, semua ada kawalan. Cuma ia bergantung kepada operasi, *follow up*, sebab kalau kita tengok pengajian KAFA, silibus, semua cantik. Kita perlu perkemaskan guru-guru dan ibu bapa serta masyarakat. Sebab kita tak boleh meletakkan kegagalan itu kepada sistem pendidikan. Struktur pendidikan kita sangat lengkap. Mungkin cara penyampaian (boleh) ditingkatkan, media sosial kena memainkan peranan. Tetapi kalau

media sosial rasmi atau tidak rasmi mempromosikan benda-benda yang tidak baik akhirnya orang lebih terkesan dengan media sosial. Ia dianggap sebagai Rukun Negara yang kedua selepas yang lain. Sebab ia boleh menghancurkan sesebuah negara atau mencantikkan sesebuah negara. Tengok negara luar yang hancur, (disebabkan) media sosial, sehingga buat penggulingan kuasa. Siapa yang menghidupkan benda itu? Dengan kuasa yang ada pada media sosial, dengan nama Jabatan Mufti, kita mengharapkan sebaran risalah tiga perkara: risalah kebaikan, risalah kecantikan dan risalah kebenaran. Tugas media sosial dan wartawan bukan membangkitkan provokasi tetapi pencerahan, gerakan al-tanwir.

Jika ajaran sesat berkenaan, bagaimana dan punca mereka ini terpesong?

Ajaran sesat ini bekerja kuat. Asasnya adalah kejahilan, tidak kembali kepada rujukan utama. Sebab itu kita mahu jadikan Jabatan Mufti dan agensi di bawah kerajaan ini sebagai rujukan utama. Tetapi kadang-kadang ada yang tak suka kepada autoriti ini. Mereka suka buat benda-benda yang *underground*, boleh capak pelik-pelik. Jadi kita perlu perkasakan, sinergikan semua agensi dan memperbanyak program yang bersifat produktif. Tetapi jangan lupa di antara punca mereka sesat juga adalah kerana tidak ada peluang pekerjaan. Sebab itu kerajaan ini melihat, bila kita nak pulihkan orang sesat, kita kena sediakan peluang pekerjaan. Agensi-agensi, syarikat swasta kena bantu kerajaan dari sudut memberikan peluang.

Tetapi organisasi itu sebuah syarikat?

Tak, mereka tidak bergaji, mereka



sukarela, itu puncanya. Kita nak masukkan mereka ini dalam sistem. Sebab itu ajaran sesat atau penagih dadah, semua tak ada kerja. Memang ada juga yang bekerja tetapi *point* di sini adalah ibadat dan ilmu tak cukup kalau tak ada kerja. Sebab orang yang hebat macam mana pun tak ada kerja lama-kelamaan dia akan mendatangkan masalah. Sebab itu dalam pemulihan, pada pandangan saya apabila kita berbincang, dalam pemulihan itu mesti ada pelan untuk peluang pekerjaan untuk mereka. Kerana jika mereka sibuk dengan bekerja, tak sempat nak memikirkan tentang kejahatan. Orang yang rasa kosong sahaja yang sempat fikir buat jahat. Apabila kita hendak buat perubahan, pemulihan itu mesti holistik. Ia tak boleh hanya agama sahaja. Kehidupan kita ini 'sembahyangku, ibadahku, hidup dan matiku bagi Allah, Tuhan yang memiliki alam keseluruhannya'. Kita selalu lupa aspek kehidupan itu. Kehidupan ini penting, kita kena sayang kehidupan kita. Ajar orang sayang kehidupan, sayang jalan raya, sayang alam sekitar, sayang bangunan, barulah ia berlaku satu kelestarian. Sekarang ini orang buang sampah, mencemarkan alam, sebab mereka tak sayang. Jadi kita latih orang sayangkan kehidupan anda, dunia dan juga akhirat.

SELESAI DENGAN DIALOG

Sebelum ini kecoh mengenai RUU Mufti Wilayah sehingga ditangguhkan untuk dibentang di Dewan Rakyat. Bagi pandangan Ustaz, apa sebenarnya yang membuatkan ia ditangguhkan? Kenapa ada kekeliruan sehingga ia turut disentuh oleh orang bukan Islam?

Secara asasnya, tujuan kita membuat RUU ini adalah untuk memperkasa institusi fatwa itu. Cuma yang pergaduhan itu sebenarnya boleh diselesaikan dengan dialog. Dialog yang baik. Bagi saya, saya beriman dengan dialog, saya tak beriman dengan debat. Kemusykilan kita sekarang ini, masalah kita, yang berlaku dalam kalangan asatizah ataupun siapa-siapa, mereka suka berdebat. Debat selalunya membabitkan sekelompok pengikut. Selepas berdebat, bergaduh lagi. Dan tuan-tuan boleh tengok kesannya tidak baik pun. Sebaliknya buat dialog yang tertutup biar ahli ilmu yang bercakap, tak perlu kepada orang awam kerana mereka banyak tafsiran sendiri. Orang cakap lain, mereka faham lain. Apa yang perlu dibuat adalah dialog yang tertutup bersama pemerintah supaya kita dapat mencari penyelesaian terbaik untuk negara kita. Semua orang ikhlas untuk menjadikan Malaysia negara Islam yang terbaik. Jadi, RUU ini satu benda yang penting untuk memperkasa fatwa supaya kedudukan fatwa dan kapasiti dia lebih mantap. Maknanya ia boleh bercakap dalam bidang ini sebagai 'trustee' kerajaan.

Sekarang ini bidang kuasa mufti terbatas. Kita hanya ada falak dan masjid. Ia belum lagi kepada jenayah atau benda lain. Mereka hanya minta nasihat tetapi tidak ada punca kuasa di situ. Jadi apabila RUU dibawa

dan dibahaskan dalam bentuk memperkasa institusi fatwa itu maka dia akan jadi lebih bebas dan dihormati. Cuma kadang-kadang kita tak fokus kepada itu, sebaliknya fokus kita lebih kepada benda yang boleh dibahaskan.

Bagi saya tidak ada pun isu yang besar, cuma saya harapkan semua orang kalau ada apa masalah dengan kerajaan, berdialoglah. Maksudnya orang agama jangan buka ruang untuk orang tidak mempercayai institusi agama yang dipanggil sebagai *anti-establishment*. Perkara itu sangat bahaya, kita tak mahu jadi macam negara Islam yang lain. Sampai orang hilang kepercayaan apabila kita terlampau kritik. Cara untuk menjaganya adalah dengan berdialog.

Saya sentiasa ada 24 jam, insya-Allah kita buka kepada sesiapa saja untuk berdialog dan saya juga belajar untuk mendengar pandangan.

Jadi apakah hikmahnya RUU ini untuk dilulus dan dipersetujui di Parlimen serta kesan jangka panjangnya?

Yang pertama untuk memperkasa, kemudian kita nak jadikan ia lebih berkesan. Keberkesanan itu penting kerana bila diperkasakan, semua agensi akan melihat kepada kita. Cuma tujuannya saya serahkan kepada Parlimen untuk dibahas betul-betul. Sebab apa yang diucapkan oleh orang agama ini masih boleh dibahaskan dari sudut ilmu.

Dari sudut Parlimen pula, kita kena bincang dengan elok-elok untuk masa depan sebuah negara. Sebab negara kita adalah negara sunni yang mempertahankan akidah dari Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sebab itu saya terbuka untuk berdialog, supaya kita dapat bahaskan dengan adil, tetapi tak nak emosi, tak nak ada dibincangkan terbuka sebab masyarakat tak faham sebenarnya. Yang membahaskan perlulah orang cerdik atau akademik, bukan ditutup langsung tapi jangan sampai orang ada prasangka yang tidak baik kepada kerajaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan Jabatan Mufti.

Kita semua ikhlas nak berbuat baik, kita nak kebaikan kepada semua. Tapi tak boleh diulas secara terperinci kerana isu ini agak sensitif. Jadi kita nak semua orang berlapang dada.

AJAKAN KEPADA PERPADUAN

Sejurus selepas pelantikan Ustaz sebagai Mufti Wilayah Persekutuan yang baru, mantan mufti, Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri menyifatkan Ustaz sebagai tokoh wasatiah (sederhana) yang menekankan kesatuan umat. Dalam bentuk apa kesatuan itu mampu dicapai sedangkan dalam soal politik pun kita sudah berpecah belah?

Kesatuan yang kita inginkan adalah kesatuan manusia. Sebenarnya kita boleh bersatu dengan siapa sahaja Cina, India, Iban, Kadazan kerana kita mempunyai mekanisme yang sama. Dalam tubuh badan kita ni Allah SWT cipta persamaan kemanusiaan. Saya lapar,

orang Cina pun lapar, saya sedih, orang Cina pun sedih. Kita nak membina kesatuan kemanusiaan kerana banyak titik pertemuan yang kita boleh bekerjasama. Contohnya, kita nak ajak kepada nilai agama. Kita nak ajak kepada misalnya (perbincangan mengenai) anti-atheist, mereka pun anti-atheist. Kita nak ajak kepada pembasmian dadah, mereka pun ada. Kita nak ajak kepada anti kepada pembuangan anak luar nikah, mereka pun bersama. Jadi sebenarnya kesatuan kita bertitik daripada kemanusiaan itu sendiri. Sebab agama kita ini adalah agama fitrah dan akal serta kemanusiaan. Dengan penyatuan inilah kita berjaya mewujudkan kemajuan. Tidak mungkin negara kita akan berjaya berdasarkan titah Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim, Seri Paduka bertitah hadiah yang terbaik adalah kesatuan umat dan perpaduan. Perpaduan ini lebih wajib daripada sembahyang sunat.

Orang selalu bergaduh isu sunnah tapi dia lupa sunnah perpaduan yang Allah SWT sebutkan mengenai ummah. Umat ada dua iaitu umat yang masuk Islam dan umat yang kita nak ajak kepada Islam. Jadi, kesatuan ini bukan fikrah saya tetapi fikrah Islam itu sendiri. Mana mungkin kita nak mencapai negara maju, tanpa ada kesatuan. Hatta kerajaan dengan pembangkang pun kena bersatu. Mungkin dalam Parlimen berdebat tapi sejiwa itu kena ada menjadi satu hati.

Sebab itu jangan bazirkan tenaga kita dalam bentuk bangkang tapi bentuk cadangan. Maknanya kita ada 30 juta rakyat, semua adalah aset hatta kalau dia banduan pun, dia aset kita. Mereka masih boleh bekerja, daripada kerajaan belanja RM4 juta sehari untuk mereka, kenapa tidak kita terbalikkan mereka yang memberi RM4 juta kepada kerajaan dengan bayar cukai dan sebagainya, negara kita cantik.

Tapi masalahnya kita senang menghukum mereka selama-

lamanya. Jadi kita nak ajak kepada perpaduan dengan menjadikan semua orang sebagai aset negara termasuk artis dan pemain bola sepak apabila mereka membayar cukai dan zakat.

Saya suka kepada perpaduan kerana saya tidak memihak pada mana-mana aliran. Saya baik dengan semua orang, mazhab saya as-Syafi'i tapi saya tak pernah anti mazhab lain dan tak terikat dengan mana-mana parti, semua saudara saya. Kerana rugi kalau kita bergaduh terlalu banyak. Daripada sibuk di media sosial kita ubah minda mereka untuk bersama. Sekarang siapa bekerja di negara kita semuanya orang luar, saya berterima kasih kepada mereka. Jadi semua orang adalah aset negara, dengan penyatuan ini semua orang akan cintakan negara.

RASUAH ADALAH 'HADAS BESAR'

Ketika ini kerajaan memperhebat usaha menangani isu rasuah dan mengejutkan ia banyak membabitkan orang Islam. Apakah hukuman jenayah rasuah ini tidak menggentarkan sehingga ia susah untuk ditangani?

Bagi saya kita punya undang-undang sangat baik, cuma ia tak boleh bergantung kepada undang-undang. Pencegahan rasuah ini perlu dididik dari sekolah lagi, dan perlu dilaksanakan secara komprehensif. Dari sudut undang-undang, *good governance*, cara pelantikan, semuanya sudah ada. Maknanya kalau kita lantik orang yang tak layak, maka itu berlakunya rasuah. Namun tindakan kerajaan menaikkan gaji itu antara langkah mengurangkan rasuah. Di antara maqasid syariah ialah kerajaan menaikkan gaji. Saya menyokong apa-apa agenda kenaikan gaji kerana ia akan mengurangkan salah guna kuasa. Kita bercadang untuk bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM) dan akan keluaran risalah rasuah untuk menyatakan ia merugikan negara. Kita dah kerugian RM280 bilion (akibat rasuah). Rasuah ini menyebabkan kejatuhan ekonomi. Ia ibarat 'darah haid dan nifas'. Apa maknanya? Apabila kita ada darah haid dan nifas, kita tak boleh sembahyang. Rasuah ini adalah 'hadas besar' yang menghalang kemajuan. Mana-mana yang tidak maju (kerana rasuah), sebenarnya ia boleh maju, ada potensi kemajuan, tetapi ada junub, ada hadas besar yang ia (nak) maju (tetapi) tak boleh kerana terhalang dengan hadas besar. Itulah rasuah, itulah yang dipanggil sebagai penyalahgunaan kuasa.

Kita perlu perkasakan undang-undang, *create public awareness* dan latihan untuk bekerja. Sebab apabila kita suka bekerja, itu yang kita tak suka rasuah. Akhirnya cinta kepada Allah dan Rasul. Kita nak membina ekonomi yang sihat, yang datang daripada sumber yang halal, yang *legal*, menyumbang kepada negara. Jabatan Mufti tegas bersama kerajaan menyokong apa jua agenda.

Tetapi orang yang sudah berharta, kerja baik juga terlibat rasuah dan penyalahgunaan kuasa?

Tamak. Penyakit tamak ini perlu dirawat. Kesannya kepada negara. Andalusia jatuh kerana dua perkara: kemewahan rakyat (tamak) dan pembaziran kerajaan. Ubat penyakit tamak adalah agama. Benda itu akan berterusan. Selaku pihak autoriti, kita juga perlu berjuang berterusan, ia akan wujud tetapi perlu ada penyelesaian. Maknanya bila dihukum penjara itu mesti ada rawatan. Penjara itu perlu ditingkatkan sebagai pemulihan, bukan sekadar hukuman. Sebab pedang tak membentuk akhlak, rotan juga tidak membentuk akhlak, ia hanya untuk bagi sakit, kemudian perlu ada kesedaran. 





ANTARA golongan OKU yang terlibat dalam tinjauan aksesibiliti golongan itu di ibu negara.



MAIMUNAH (kiri) ketika meninjau kemudahan yang disediakan kepada golongan OKU di Brickfields.

Tinjauan Datuk Bandar kemudahan aksesibiliti OKU

KUALA LUMPUR BANDAR MESRA SEMUA GOLONGAN

AZLAN ZAMBRY

AGENDA memperkasa hak dan akses golongan orang kurang upaya (OKU) terus menjadi antara keutamaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam usaha mewujudkan sebuah bandar raya inklusif dan mesra semua lapisan masyarakat.

Komitmen itu diterjemahkan menerusi tinjauan lapangan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** ke kawasan Brickfields bagi menilai keberkesanan pelaksanaan penambahbaikan kemudahan aksesibiliti OKU di kawasan berkenaan.

Lawatan berkonsep *walkabout* itu turut disertai Ahli Dewan Negara, Senator Isaiah D. Jacob;

Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek DBKL, Mohamad Hamim; wakil jabatan dalam DBKL serta pertubuhan mewakili komuniti OKU.

Antara kawasan yang dilawati ialah Jalan Tun Sambanthan 4, sebahagian Jalan Thambipillay dan Jalan Tun Sambanthan, kawasan tumpuan warga kota dan pelancong yang turut menempatkan pelbagai kemudahan awam.

Dalam lawatan itu, Maimunah meneliti aspek keberfungsian, keselamatan dan kebolehcapaian infrastruktur sedia ada, di samping menyantuni komuniti OKU setempat dan mendengar sendiri aspirasi serta cadangan mereka. Menurut kenyataan DBKL,

dapatan daripada sesi tersebut akan dijadikan rujukan kepada tindakan susulan yang lebih menyeluruh dan inklusif selaras dengan agenda bandar mampan dan mesra semua.

Brickfields merupakan antara kawasan tertua dan paling bersejarah di ibu negara, yang dikenali sebagai 'Little India', serta menjadi antara zon rintis bagi pelaksanaan Pelan Induk Aksesibiliti OKU Kuala Lumpur yang sedang digerakkan secara berperingkat.

Mengulas lanjut, Maimunah menegaskan bahawa usaha menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar yang boleh didiami bukan hanya terletak di bahu DBKL

semata-mata.

"Bandar yang boleh didiami bergantung kepada penduduk yang bertimbang rasa. Jangan melanggar peraturan. Berhati-hati, terutamanya terhadap masyarakat kurang upaya," katanya.

Ketika ditanya mengenai isu paling ketara yang dikenal pasti sepanjang sesi *walkabout* tersebut, beliau menyifatkan reka bentuk sebagai cabaran utama.

"Reka bentuk. Itulah cabaran terbesar. Terdapat banyak ruang untuk penambahbaikan," katanya.

Mengenai laluan pejalan kaki yang sering disekat oleh peniaga atau restoran tepi jalan, Datuk Bandar menekankan bahawa penguatkuasaan perlu diperkasa.

"Kami mempunyai garis panduan dan pasukan penguat kuasa. Kini, ia mengenai bagaimana memastikan peraturan dipatuhi. Tetapi saya ingin memberitahu orang ramai, sila bertimbang rasa, berhenti menyekat jalan.

"Setiap orang mempunyai peranan untuk dimainkan. Kita semua perlu melakukan yang lebih baik untuk menjadikan bandar ini lebih inklusif dan boleh didiami," tambahnya.

Langkah ini juga seiring dengan Dasar OKU Negara dan aspirasi Malaysia MADANI dalam memastikan pembangunan bandar turut memberi manfaat kepada semua golongan, tanpa kecuali. 

Plogging: 138.55kg sampah dikutip

USAHA menjadikan ibu negara lebih bersih dan mampan terus diperkasa menerusi program khidmat komuniti yang dilaksanakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersama Cawangan Latihan Khidmat Negara (CLKN), di Taman Tasik Titiwangsa, baru-baru ini.

Program yang dikongsikan menerusi laman Facebook rasmi DBKL itu menyaksikan seramai 240 peserta terlibat, merangkumi pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) serta wakil pelbagai agensi seperti Jabatan

Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan lain-lain.


Aktiviti utama adalah *plogging* gabungan larian santai sambil mengutip sampah selaras dengan aspirasi Pelan Hala Tuju Kuala Lumpur Ke Arah Sifar Sisa 2040.

Sebanyak 138.55 kilogram (kg) sampah berjaya dikumpulkan, terdiri daripada 66.05 kilogram bahan kitar semula dan 72.5 kilogram bahan buangan biasa.

Program ini turut

mengaplikasikan pendekatan 4Ps (*Public-Private-People Partnership*) yang bukan sahaja menasaskan pembersihan kawasan tumpuan awam, malah bertujuan memupuk kesedaran sivik dan semangat kesukarelawan dalam kalangan peserta.

DBKL menegaskan komitmennya untuk terus memperluaskan inisiatif advokasi dan pendidikan awam dalam usaha merealisasikan sasaran Zero Waste@KL menjelang 2040.



AKTIVITI plogging yang diadakan di Taman Tasik Titiwangsa baru-baru ini bagi menjadikan ibu negara bersih.



Bil 316 . 6-12 JUN 2025



Sokongan psikologi: AI vs pakar

►►10-11

MAMPUKAH AI GANTI 'BAHU' UNTUK BERSANDAR?

AINI MAWAWI

FENOMENA di mana masyarakat semakin cenderung meluahkan masalah kepada kecerdasan buatan (AI) berbanding ahli terapi sebenar mencerminkan perubahan dalam cara manusia mendapatkan sokongan emosi dan psikologi.



AMIR AKRAMIN

Namun begitu, pergantungan sepenuhnya kepada AI perlu dikawal kerana ia tidak mempunyai empati sebenar seperti manusia dan tidak dapat menggantikan kepakaran serta pengalaman profesional yang dimiliki oleh ahli terapi terlatih.

Mengulas isu tersebut, Pengarah Kanan, Pejabat Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), **Profesor Dr Amir Akramin Shafie** berkata dari sudut pandang teknikal, AI tidak 'memahami' emosi dalam erti kata manusia yang sebenar.

"AI pada masa kini masih belum dibuktikan telah mempunyai kesedaran (*consciousness*), perasaan (*sentience*), atau pengalaman subjektif yang sama dengan manusia. AI sebenarnya hanya mensimulasikan kefahaman dan mengenali berdasarkan corak frasa atau perkataan yang telah dilatih.

"Dalam kata lain AI yang dapat 'mengenali' wajah dalam gambar, tetapi tidak benar-benar memahami apa itu wajah atau siapa orang itu. Walau bagaimanapun, simulasi ini boleh menjadi sangat meyakinkan dan membantu dalam banyak situasi, sebagai manusia ia menjadikan interaksi seperti ada pemahaman," jelas beliau kepada Wilayahku.

Sebagai pengamal teknologi, beliau berkata AI pada masa kini dan undang-undang semasa tidak mampu memberi sokongan yang setara dengan ahli terapi sebenar.

"AI tiada empati sebenar yang membolehkan terapi manusia dapat pemahaman yang mendalam tentang pengalaman manusia. Ia tidak dapat membentuk hubungan ini. AI masih belum boleh mengendalikan krisis kompleks kerana ia tidak mempunyai kapasiti untuk campur tangan dalam krisis kesihatan mental yang berat seperti dalam membuat keputusan klinikal yang memerlukan pertimbangan manusia.

"Apa yang lebih penting AI di dalam undang-undang dan

kod etika semasa tiada akauntabiliti profesional. Ahli terapi terikat dengan kod etika yang ketat dan mempunyai lesen profesional sementara AI tidak mempunyai akauntabiliti yang sama.

"Empati manusia adalah berdasarkan neurobiologi, pengalaman hidup, ingatan, kesedaran dan keupayaan untuk merasakan apa yang dirasakan orang lain (*theory of mind*).

"Sementara, empati simulasi AI sebenarnya adalah produk algoritma dan data. Ia mengenal pasti corak dalam data latihan yang dikaitkan dengan empati dan akan menghasilkan respons yang menyerupai empati berdasarkan kebarangkalian perkataan dan frasa yang telah dipelajarinya," katanya.

Berbicara lanjut, beliau menjelaskan data peribadi mereka yang meluahkan masalah kepada AI adalah isu kritikal dan salah satu cabaran terbesar yang diperkatakan.

"Kaedah perlindungan data semasa termasuk *encryption*, anonimisasi atau pseudonimisasi dan *limiting access*. Untuk menjalankan sistem terapi AI, dasar privasi yang jelas perlu diwujudkan seperti i GDPR (Eropah) atau Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) di Malaysia.

"Namun, sentiasa ada risiko pelanggaran data atau penyalahgunaan. Pengguna harus sentiasa berhati-hati dengan apa yang mereka kongsi dan memahami dasar privasi platform yang digunakan," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kejuruteraan Mekatronik, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), **Profesor Madya Dr Yasir Mohd Mustafah** berkata pada 1966, Joseph Weizenbaum membangunkan program ELIZA yang mensimulasikan perbualan terapi mental membuatkan pengguna merasakan ELIZA seperti seorang manusia sebenar yang memahami mereka secara mendalam.

"Dengan kecanggihan AI masa kini, Eliza Effect dilihat semakin ketara dengan kemunculan chatbot yang dapat menghasilkan respons yang menyerupai manusia.

"Fenomena ini didorong oleh faktor-faktor seperti akses kepada teknologi AI yang semakin mudah dan juga stigma sosial terhadap masalah mental," tambahnya.


Beliau berkata teknologi AI chatbot seperti ChatGPT yang digunakan secara meluas sejak kebelakangan ini sebenarnya direka bentuk menggunakan algoritma pemrosesan bahasa semula jadi (NLP) yang dipanggil Large Language Model (LLM) dan teknik pembelajaran mesin yang membolehkan AI menganalisis teks untuk berkomunikasi dengan manusia.

"Model AI yang semakin canggih kini diterapkan dengan ciri yang membolehkannya mengklasifikasikan emosi dalam komunikasi. Model AI dilatih dengan menggunakan set data yang amat besar yang mengandungi teks-teks yang telah dilabelkan oleh manusia, membolehkan AI memahami dan mengenal pasti corak rumit berkaitan dengan teks komunikasi dan emosi manusia.

"Contohnya, model AI terbaru oleh OpenAI iaitu GPT-4o dianggarkan dilatih menggunakan 13 trillion token atau perkataan," katanya.

Kata beliau dalam konteks kesihatan mental, pemaia AI yang beretika akan memastikan AI yang dihasilkan tidak menggalakkan kebergantungan yang tidak sihat terhadapnya, sentiasa memberikan nasihat yang bersesuaian dan boleh mengenal pasti bila sokongan pakar diperlukan.

"Saya jangkakan, di masa hadapan AI akan menjadi alat untuk membantu meluaskan jangkauan penjagaan kesihatan mental, tetapi tidak akan menggantikan terapi melalui hubungan yang unik antara manusia. Sentuhan dan empati antara manusia akan kekal menjadi teras kepada proses terapi kesihatan mental," katanya.



RISIKO AI

1 Nasihat tidak tepat/selamat: AI mungkin tidak memahami nuansa keadaan seseorang atau keterukan masalah. Ini menyebabkan ia memberikan nasihat yang generik, tidak berkesan atau boleh membahayakan.

2 *Hallucinations AI:* Ini adalah kekangan di mana maklumat atau fakta yang tidak betul tetapi menyampaikannya dengan yakin. Dalam konteks kesihatan mental, ini boleh menjadi sangat berbahaya.

3 Bias dalam data latihan: Jika data latihan AI mengandungi bias (contohnya, hanya mencerminkan pengalaman budaya tertentu), AI mungkin memberikan nasihat yang tidak sesuai atau tidak sensitif kepada individu dari latar belakang yang berbeza.

Manusia lebih memahami manusia lain

INDIVIDU yang mempunyai masalah biasa, umum (masalah harian) atau tekanan yang mengganggu diri kebiasaannya lebih memilih kecerdasan buatan (AI) untuk mencari jalan penyelesaian kerana mudah berinteraksi.

Pakar Psikologi Kaunseling, Fakulti

Pengajian Pengurusan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), **Profesor Datuk Dr Mohamed Fadzil Che Din** berkata mereka ini dikelaskan kepada beberapa medium yang dikenal pasti.

“Antaranya golongan muda (remaja dan dewasa muda) merupakan antara profil psikologi atau demografik yang lebih cenderung memilih AI berbanding ahli terapi kerana mereka ini terbiasa dengan teknologi dan media sosial.

“Selain itu, mereka yang ingin mendapatkan *brief counselling* (terapi ringkas) juga bertindak memilih AI memandangkan ia cepat dalam memberikan pandangan untuk masalah yang mudah,” jelas beliau.

Ulas beliau masyarakat biasanya seronok untuk berkongsi dengan AI kerana mereka berasa lebih selamat kerana tidak perlu mendedahkan identiti sekali gus selesa bercakap mengenai isu sensitif.

“AI adalah alat untuk bantu manusia, jika ia dapat membantu, sudah tentu kesihatan diri menjadi lebih baik, tetapi kita perlu melihat tahap masalah tersebut, jika lebih kronik, seseorang itu tetap memerlukan kaunselor yang mendengar, menganalisis masalah serta menggunakan teori-teori tertentu untuk menyelesaikannya.

“AI adalah sesuatu yang normal pada masa kini, yang



MOHAMED FADZIL

penting kita sebagai pengguna perlu bijak menganalisis pandangan yang diberi. Adakah ia sesuai dengan kita, selari dengan hukum agama, akhlak dan sebagainya? Jika ia bercanggah dengan agama yang kita anuti sudah tentu kita perlu menganalisis kerana

tugas AI hanya memberi cadangan tetapi kitalah yang perlu membuat keputusan,” katanya.

Bagi Pakar Psikologi Industri dan Organisasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Profesor Dr Siti Aisyah Panatik Abdul Rahman**, AI berisiko ‘mengesahkan’ corak pemikiran negatif tanpa p e m a h a m a n kontekstual yang mendalam.

“Ia mungkin menguatkan rumusan negatif secara tidak sengaja, sebagai contoh, menjawab dengan sokongan apabila pengguna menyatakan perasaan putus asa. Selain itu, gagal menyoal balik andaian salah contohnya dalam terapi sebenar, ahli terapi akan mencabar distorsi kognitif dengan teknik CBT, sesuatu yang masih terhad dalam AI semasa.

“AI tidak dapat mengenal pasti pola maladaptif yang halus di mana AI mungkin tidak dapat menangani isu-isu psikodinamik atau trauma yang kompleks,” jelasnya.

Beliau yang juga Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) melihat terdapat peluang dan juga cabaran peningkatan penggunaan AI kepada profesion terapi dan kaunseling.



SITI AISYAH

“Ia memberi peluang memperluas capaian intervensi kesihatan mental, terutama di kawasan yang kurang perkhidmatan. Selain itu, dapat memberi pilihan alternatif kepada mereka yang baru ingin mula mendapatkan bantuan dan dalam masa sama menyokong sistem triage dan pemantauan awal.


“Dari segi cabaran pula, risiko menggantikan hubungan manusia yang sangat penting dalam proses pemulihan. Selain itu, ahli profesional perlu menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi dan meningkatkan literasi digital terapeutik.

“Dalam masa sama, perlunya etika dan peraturan yang jelas dalam penggunaan AI dalam konteks intervensi psikologi,” katanya.

Siti Aisyah turut menasihati masyarakat untuk menggunakan AI sebagai alat bantu, bukan sebagai pengganti hubungan sebenar.

“AI boleh menjadi titik permulaan yang baik, tetapi kesihatan mental adalah aspek yang kompleks yang memerlukan pemahaman holistik dan hubungan interpersonal.

“Jika anda mengalami tekanan berpanjangan, kemurungan, atau trauma, berjumpalah dengan kaunselor bertaualiah atau ahli terapi berlesen. Manusia memahami manusia lebih mendalam daripada sistem automatik. Jangan takut untuk meminta bantuan yang sebenar. Kesembuhan selalunya bermula apabila kita berani membuka diri kepada orang lain yang benar-benar hadir bersama kita,” jelasnya. 📞




Reaksi



“AI menjadi pilihan kerana individu merasakan kerahsiaan akan lebih terjamin, tiada kerisauan ia berkongsi kepada orang lain selain ia tidak bias. Bagi saya, ini adalah alternatif baik bagi mendapatkan input untuk masalah atau isu yang sedang dihadapi kerana ia cepat dan tiada had.

Malah, kita akan lebih berani meluahkan rasa dan emosi, ia tidak terikat berbanding jika berkongsi dengan individu, perlu mencari masa serta situasi yang sesuai.”

- **MOHAMMAD ZAIDAD ABDUL SAMAT**



“**BAGI** saya, ChatGPT bantu membuat keputusan lebih neutral dan rasional, *non-judgemental*. Walau bagaimanapun, ia perlu digunakan dengan bijak sekali gus ia boleh menjadi alat yang sangat bermanfaat.”

- **NUR FAIRUZ SAHARUDIN**



“**KADANG-KADANG** seseorang itu malu untuk berkongsi masalah, bimbang salah penilaian. Dengan AI maklum balas segera diterima tanpa penghakiman emosi. Tak perlu dedahkan identiti. Khidmat nasihat dengan AI tak perlu janji temu, bila-bila masa serta tiada kos.”

- **DILLA NAWAWI**



“**SEJUJURNYA** saya menggunakan ChatGPT untuk menjimatkan masa dalam penulisan kerana ia membantu menjana idea dan draf awal namun setakat ini belum mencuba untuk penyelesaian peribadi kerana bagi saya, ia tidak benar-benar memahami emosi manusia.”

- **NUR SYAZWANI MOHD DAHALAN**

Labuan International SEA Challenge 2025

AM HALIM

LABUAN International Sea Challenge (LISC) 2025 merupakan acara tahunan yang dinanti-nantikan oleh peminat sukan air dan maritim di rantau BIMP-EAGA. LISC edisi ke-27 kali ini berlangsung dari 25 hingga 27 April 2025 di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan, dengan beberapa acara utama bermula lebih awal pada 22 April lalu.

Sebanyak 12 acara dipertandingkan tahun ini, terdiri daripada empat acara utama dan lapan acara sokongan. Penganjuran acara berprestij ini sekali lagi menghidupkan suasana meriah di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Wilayah Persekutuan Labuan (KSLA).

Acara pembuka tirai, Labuan International Deep Sea Fishing Challenge 2025, menyaksikan

penyertaan seramai 212 pemancing dari dalam dan luar negara. Sebanyak 40% peserta adalah dari negara luar termasuk Hong Kong, Singapura dan Amerika Syarikat. Pertandingan ikonik ini kekal diadakan di perairan eksklusif Pulau Layang-Layang, Kepulauan Spratly - kawasan perairan strategik yang kaya dengan biodiversiti marin.

Sementara itu, Labuan Round Island Kayak Challenge (51.2KM) yang berlangsung pada 27 April 2025, sebanyak 28 pasukan bagi kategori *Men Double* dan *Mix Double*, serta 18 peserta individu dalam kategori *Men Single* yang disertai oleh peserta dari Malaysia dan Brunei. Acara ini terus menjadi platform penting bagi atlet sukan air sebagai persiapan ke temasya SUKMA dan Sukan SEA.

LISC 2025 turut menawarkan pelbagai acara menarik lain yang berlangsung di lokasi utama iaitu Regatta Race 2.0, Kayak Mini Marathon (7KM), Kejohanan Bola Tampar Pantai, Kejohanan Silat Pantai, Pertandingan Mencandat Sotong, Pertandingan Memancing Pesisir Pantai, Pertandingan Tarik Tali Pantai, Pertandingan Perlumbaan Bot Laju, Sukan Rakyat, serta Acara Pentas.

LISC 2025 menerima sokongan daripada penaja dan rakan strategik utama seperti Tourism Malaysia Labuan, Fifty7K, Mikasa, LDA Holding dan MyCar. Komitmen penaja amat penting dalam memastikan kejayaan penganjuran acara ini, sekali gus memperkukuh imej Labuan sebagai destinasi sukan dan pelancongan maritim utama di rantau ini. 





RANGKAIAN HIJAU DI KUALA LUMPUR

KU SEMAN KU HUSSAIN

ALAM menjadi salah satu keperluan penting dalam kehidupan manusia. Interaksi dengan alam sama pentingnya hubungan horizontal sesama manusia. Disebabkan itu kepentingan alam dengan kehidupan manusia tidak berubah atau terputus pada zaman mana sekalipun.



PENULIS BEBAS

Namun begitu cabaran utama kehidupan moden kepada manusia adalah mewujudkan keseimbangan dengan alam. Bukan suatu yang asing pembangunan dan kemodenan sesuatu wilayah atau bandar mengorbankan kepentingan alam kepada manusia.

Walau bagaimanapun usaha memodenkan sesebuah kota metropolitan yang berhemah, bukan sahaja tidak memusuhi alam sekitar malah lebih menekankan hubungan yang akrab dengan manusia. Walaupun yang berdiri sebagai bangunan moden itu adalah batu-batu kontang, tetapi diimbangi dengan reka landskap yang menekankan kepentingan alam.

Kota-kota besar dunia berlumba-lumba menggerakkan kesedaran melalui kempen mempertingkatkan apresiasi terhadap alam. Peranan alam dalam hubungan dengan manusia menjadi perkara yang asas untuk memastikan modenisasi yang disuntik pada sesebuah kota itu menelan kedudukan alam.

Kuala Lumpur adalah salah sebuah kota metropolitan dunia yang memberikan penekanan khusus kepada pelestarian alam dalam pelan pembangunannya. Kota yang berteknologi tinggi itu amat mesra dengan alam. Bukan sahaja di pusat bandar raya, malah di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Hal sedemikian memperlihatkan keprihatinan kalangan pembuat dasar terhadap kepentingan alam dalam kehidupan masyarakat metropolitan. Kuala Lumpur terus membangun dengan pesatnya sebagai bandar raya dalam taman – mengimbangi kepesatan fizikal dengan keperluan hidup bagi manusia.

Pelan pembangunan yang mengutamakan alam menjadikan Kuala Lumpur bukan 'kota batu' yang kontang, tetapi digabung jalin dengan pelestarian alam yang menyumbang kepada kehidupan warganya.

Memang benar Kuala Lumpur pesat membangun, bangunan tinggi pencakar awan tumbuh di sana sini. Namun Kuala Lumpur telah dicorakkan supaya tidak menjadi sebuah 'kota batu' dengan mengimbangi keperluan hidup masyarakat terhadap alam.

Oleh hal yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab warga Kuala Lumpur dan pembuat dasar untuk terus menyemai gagasan pemikiran yang lebih tertumpu kepada pelestarian alam sekitar. Hal itu penting untuk memperkaya imej bandar raya sebagai taman hijau yang memanifestasikan hubungan akrab manusia dengan alam.

Menyemai gagasan pemikiran mengenai kepentingan alam sekitar dalam kalangan warga Kuala Lumpur adalah penting



PETUGAS DBKL menjalankan kerja-kerja pengindahan taman di ibu negara.

untuk meningkatkan kesedaran akan perlunya melestarikan alam untuk generasi akan datang. Setakat ini pelan pembangunan Kuala Lumpur berpegang teguh kepada keseimbangan antara pembangunan fizikal dengan alam.

Taman-taman di seluruh Kuala Lumpur memberi peluang kepada masyarakat menikmati kehidupan rohani yang damai. Kehijauan dan kedamaian Taman Tasik Perdana yang menjadi satu-satunya taman botani di tengah-tengah Kuala Lumpur terus berperanan kepada masyarakat sekitar.

Taman Tasik Perdana atau suatu waktu dulu terkenal dengan nama Lake Garden menjadi bukti keprihatinan pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam pelestarian alam sekitar. Taman Tasik Perdana antara kawasan hijau di tengah-tengah Kuala Lumpur.

Hal yang sama juga dengan Taman Tasik Permaisuri di Cheras yang memberikan ruang alam yang aman dan tenang kepada masyarakat sekitar. Elemen air dan tumbuh-tumbuhan terbina daripada perancangan landskap yang mengutamakan peranan alam dalam kehidupan manusia.

Masyarakat Kuala Lumpur sememangnya sibuk dengan kehidupan harian dan sentiasa penuh dengan tekanan. Keadaan yang sedemikian segera hilang apabila berada di taman-taman yang ada di seluruh Kuala Lumpur. Dengan

menyemai kesedaran sedemikian, warga Kuala Lumpur menjadi lebih bijak menentukan keutamaan dalam kehidupan.

Pembuat dasar telah memperkenalkan langkah-langkah progresif seperti peningkatan kawasan hijau, ruang terbuka awam serta pembangunan infrastruktur lestari untuk memastikan pembangunan tidak hanya berpusat kepada aspek fizikal semata-mata.

Hal seperti itulah yang mengubah Kuala Lumpur menjadi kota metropolitan yang mesra alam sekitar, harmoni dan seimbang antara keperluan rohani dan jasmani.

Inisiatif baharu yang dilakukan oleh DBKL berkaitan pelestarian alam adalah projek Park Connector Network. Projek jangka panjang itu menjadi bukti komitmen DBKL dalam mempromosikan kehidupan hijau yang mampan di kawasan bandar.

Dengan mewujudkan rangkaian laluan dan denai sejauh 200 kilometer menghubungkan taman-taman awam dan kawasan rekreasi sedia ada, Park Connector Network menggalakkan aktiviti fizikal dan rekreasi luar. Masa yang sama menyediakan ruang hijau kepada masyarakat setempat untuk melarikan diri seketika daripada kesibukan dan hiruk-pikuk kota.

Projek itu tidak hanya memberikan akses ruang terbuka hijau kepada penduduk bandar, tetapi juga membina hubungan yang lebih erat antara manusia dengan alam. Dalam konteks itu, tanggungjawab sosial warga Kuala Lumpur memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan rangkaian berkenaan.

Salah satu objektif utama Park Connector Network adalah menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan penduduk Kuala Lumpur. Dengan laluan pejalan kaki, trek jogging dan berbasikal yang merentas kawasan, projek itu menawarkan cara selamat dan mudah kepada individu terlibat aktiviti luar dan bersenam.

Pada masa yang sama Park Connector Network mendukung

inisiatif penting dalam memelihara kekayaan biodiversiti dan ruang hijau di Kuala Lumpur. Dengan mengaktifkan perhubungan antara taman dan kawasan semula jadi, Park Connector Network mewujudkan koridor hijau yang meningkatkan keseimbangan ekologi bandar.

Dari sudut yang lebih luas, projek berkenaan berperanan dalam meningkatkan perpaduan sosial dan penglibatan masyarakat dengan alam sekitar. Ruang awam yang boleh diakses dan inklusif menyumbang kepada interaksi sosial yang lebih baik selain memupuk semangat rasa turut memiliki (*sense of belonging*) dalam kalangan masyarakat.

Dalam konteks kesejahteraan kehidupan bandar, DBKL bukan sahaja mewujudkan hubungan fizikal antara taman tetapi juga membina jambatan antara manusia dan alam semula jadi. Dengan memupuk penghargaan yang lebih besar terhadap alam semula jadi, projek seperti itu berperanan sebagai model kepada PBT lain dalam mengimbangi pembangunan bandar dengan pemuliharaan alam sekitar.


Warga Kuala Lumpur perlu sedar tentang pentingnya menjaga dan merawat infrastruktur hijau yang disediakan oleh projek Park Connector Network. Masa yang sama mengambil inisiatif untuk menjaga ketenteraman dan kebersihan kawasan-kawasan hijau yang memberikan ketenangan dan kedamaian.

Kesibukan Kuala Lumpur bagaikan tidak pernah lena itu adalah perlumbaan dalam kalangan warga untuk mencari pendapatan bagi keperluan hidup. Walau bagaimanapun erti kebahagiaan dan kedamaian dalam hidup adalah gabungan hal-hal berbentuk benda dan rohani. Alam memberikan makanan rohani supaya kehidupan itu menjadi seimbang dengan tuntutan fizikal yang keras.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera:
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
 Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Mempersembahkan

FESTIVAL ORKESTRA KUALA LUMPUR

31 Mei–29 Jun
2025

Menampilkan:

Orkestra Kuala Lumpur
China Philharmonic Youth Orchestra
Siam Sinfonietta
Tokyo Symphony Orchestra
Marktoberdorf Youth Wind Orchestra
dan banyak lagi..

IMBAS UNTUK PENDAFTARAN
DAN MAKLUMAT LANJUT



MENDIDIK BUKAN MENGHERDIK

SYAZWAN NAIM IBRAHIM

GURU adalah semulia-mulia profesion. Hampir semua profesion di dunia ini adalah daripada didikan seorang guru. Peranan guru, sama ada secara tidak formal seperti ibu bapa di rumah mahupun formal seperti guru di sekolah, akan sentiasa mengisi ruang hati seseorang.



PENSYARAH
FAKULTI BAHASA DAN
LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA

Perkataan 'guru' tidak boleh lari daripada k a m u s kehidupan seseorang. A l i r a n ilmu yang dicurahkan bukan sekadar memindahkan pengetahuan, tetapi juga m e n a n a nilai-nilai murni dan tujuan hidup. Justeru, j a w a t a n guru sebagai profesion perlu diisi oleh jiwa yang ingin mendidik, bukan kerana tiada kerjaya yang sesuai atau sekadar mengisi kekosongan.

Namun, kemuliaan profesion ini mula ternoda susulan insiden yang tular melibatkan seorang guru memarahi muridnya yang berusia sembilan tahun di kantin sekolah. Apa yang mengundang pelbagai reaksi rakyat Malaysia adalah apabila murid tersebut turut dimalukan di depan khalayak yang terdiri daripada beberapa orang guru dan sekumpulan murid lainnya. Insiden ini mengundang renungan bersama: apakah teguran sebegitu bermula daripada niat ingin mendidik atau mengherdik?

Hakikatnya, dalam komunikasi seharian antara sesama manusia, terdapat suatu elemen yang dipanggil sebagai 'muka'. Namun, 'muka' di sini tidak merujuk kepada rupa fizikal sebaliknya melambangkan maruah,

kehormatan dan harga diri seseorang.

Justeru, tidak hairanlah ada beberapa ungkapan yang begitu sinonim dalam kalangan masyarakat Melayu antaranya 'air muka' dan 'menconteng arang di muka'. Leluhur kita berpesan agar 'muka' ini dijaga demi menjamin kesejahteraan sosial. Bukan sahaja kehormatan diri yang perlu dijaga, malah kehormatan orang lain juga perlu dijunjung.

Peri pentingnya memahami 'muka' ini dikaji oleh ilmu pragmatik sebagai salah satu cabang ilmu pengkajian bahasa. Cabang ilmu ini membahaskan bagaimana bahasa yang digunakan mempengaruhi diri penutur dan pendengar. 'Muka' ini mengisytiharkan bahawa semua kita perlu dihormati, tanpa mengira latar belakang.

Menurut cabang ilmu bahasa ini, setiap komunikasi melibatkan usaha sama untuk melindungi, menyokong atau mencemari 'muka' oleh kedua-dua penutur dan pendengar melalui penggunaan bahasa. Bahasa yang santun akan melindungi atau menyokong manakala bahasa yang tidak santun akan mencemari. Dalam insiden ini, guru tersebut dilihat menudingkan juga jarinya sambil meninggikan suara ke arah muridnya untuk menzahirkan lagi rasa marahnya.

Lebih memilukan, murid perempuan yang masih berada di Tahun Tiga itu malah dikelilingi oleh beberapa orang guru dan murid lain seperti yang dapat dilihat menerusi rakaman video yang dimuat naik oleh guru terbabit. Ini mencetuskan suatu persoalan yang besar tentang adab berkomunikasi khususnya aspek penjagaan maruah anak-anak kecil dalam persekitaran sekolah.

'Muka' murid tersebut boleh dikatakan tercalar lantaran dimarahi dan dimalukan di depan khalayak. Bukan sahaja beberapa orang

guru dan murid sekelasnya yang hadir di kantin itu, tetapi juga kumpulan murid lain yang sedang menjalani kelas tambahan. Situasi menjadi semakin rumit dengan rakaman video, reaksi marah guru-guru serta respons murid-murid lain yang menambahkan tekanan emosi murid tersebut.

Pengalaman s e b e g i n i dikhuatiri boleh menjejaskan persepsi dan minat murid t e r h a d a p pelajaran dan keyakinan diri. Hal ini terbukti apabila murid itu menyuarakan rasa tidak lagi menyukai mata pelajaran yang diajar oleh guru terbabit. Maka, ini adalah sesuatu yang perlu diteliti oleh pentadbir sekolah agar interaksi antara guru dengan murid terus menyuburkan minat. Di sini letaknya kepentingan mengoptimumkan sistem sokongan sedia ada di sekolah seperti kaunseling untuk menyelia kesejahteraan emosi guru dan murid.

Tidak dinafikan, dalam kesibukan menjalankan amanah sebagai pendidik, adakalanya emosi dan tekanan boleh mempengaruhi cara seseorang guru berkomunikasi dengan muridnya. Namun, sebagai guru, kita wajar menilai semula pendekatan terhadap murid khususnya yang masih berada di awal usia persekolahan. Pada usia ini, murid sedang belajar berdikari dalam dunia pendidikan yang asing



KOMUNIKASI guru dan murid seharusnya berjalan harmoni bagi menggalakkan minat anak-anak terhadap pelajaran.

tanpa keberadaan ibu bapa.

Pendekatan yang lembut bukan sahaja membantu mereka menyesuaikan diri, tetapi juga membina keyakinan mereka terhadap persekitaran sekolah sebagai tempat yang selamat dan menyokong. Dalam konteks ini, guru dilihat sebagai ibu bapa kedua dalam membentuk pengalaman awal murid. Boleh dikatakan bahawa kejayaan sekolah sebagai institusi pendidikan diukur bukan sahaja melalui pencapaian akademik, tetapi juga pada sejauh mana murid hadir ke sekolah dengan keterujaan.

Insiden ini turut menyerlahkan kepentingan untuk memperkukuh kemahiran mendengar, bukan sahaja sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai kaedah menjaga emosi dan 'muka' murid. Mendengar dengan empati boleh membantu mentafsir situasi dengan lebih

menyeluruh dan merespons dengan cara yang lebih berhemah. Maka, penekanan terhadap aspek-aspek ini dilihat semakin penting dalam konteks pendidikan yang semakin mencabar.

Akhirnya, insiden ini wajar mengajak kita semua sebagai ibu bapa, pendidik, dan pentadbir agar lebih peka terhadap kejadian yang berlaku di sekeliling. Setiap daripada kita memainkan peranan dalam membentuk suasana yang lebih menyantuni, terutama dalam ruang yang melibatkan anak-anak kecil. Dengan kesedaran dan tindakan kolektif, kita boleh menjadi ejen perubahan ke arah masyarakat yang lebih prihatin, empati, dan bertanggungjawab.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

Peluang beli rumah PPR



BERITA baik untuk penyewa Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Pihak DBKL sedang menimbang untuk menjual unit PPR dan PA kepada penyewa yang mempunyai kemampuan kewangan.

Polisi penjualan unit PPR dan PA kepada penyewa digantung sejak 2015. Unit-unit hanya tersedia untuk disewa sahaja. Walau bagaimanapun menurut Datuk Bandar, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif, DBKL kini sedang meneliti semula polisi penggantungan berkenaan.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, kajian semula polisi tersebut sesuatu yang dialu-alukan. Tentu langkah ini diterima baik oleh para penyewa yang berhasrat tinggal secara kekal dalam unit yang mereka diami dengan membeli terus unit berkenaan.

Mereka yang telah lama menyewa dan berhasrat membeli unit, serta berkemampuan berbuat demikian, wajar diberi peluang. Mungkin penyewa juga membuat simpanan sebagai persediaan membeli unit yang diduduki jika dibuka untuk dijual.

Namun kawan-kawan Kedai Kopi syorkan dalam membuka peluang penyewa membeli, DBKL perlu waspada. Pastikan pilih yang benar-benar mampu dan layak. Penyewa yang setia mematuhi syarat penyewaan, tidak culas membayar sewa dan tiada tunggakan sewa mesti diutamakan.

Aspek ini sangat penting kerana menurut Datuk Bandar, tunggakan sewa PPR dan PA direkodkan sehingga kini terlalu tinggi, mencecah RM70 juta. Akibatnya, ia menjejaskan usaha penyenggaraan dan pengurusan kemudahan di bawah seliaan DBKL.

Mohon lesen pemutihan

SEJAJAR arahan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa pada April yang memberi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tempoh empat bulan melaksanakan pemutihan menyeluruh peniaga tidak berlesen di ibu kota, permohonan pemutihan kini dibuka.

Langkah ini bertujuan 'memutihkan' peniaga kecil-kecilan dan penaja tempatan, dengan memberi mereka peluang memperoleh lesen berniaga di seluruh ibu kota. Dengan adanya lesen, peniaga dan penaja beroperasi secara sah dan teratur. Jiwa dan minda tenang, tidak 'dikejar' penguat kuasa.

Untuk menyertai program pemutihan, peniaga dan penaja perlu mendaftar dan memohon sebelum berakhir tempoh empat bulan diberi kepada DBKL. Pihak DBKL membuka permohonan pemutihan selama sebulan, mulai 1 hingga 30 Jun ini. Masih ada banyak masa untuk memohon.

Untuk panduan bakal pemohon, kawan-kawan Kedai Kopi gariskan dua kategori utama

program pemutihan penaja, iaitu Penaja Beredar Tanpa Kenderaan (PBTK) dan Penaja Sementara (PS). PBTK merujuk kepada individu yang berniaga dari satu tempat ke satu tempat lain tanpa kenderaan.

Bagi kategori ini, aktiviti niaga dibenarkan termasuk penjualan makanan dan minuman berbungkus, penjualan bunga jalanan serta penjualan permainan kanak-kanak. Lesen yang dikeluarkan sama ada melalui program semasa, iaitu jika ada sesuatu acara tertentu, atau tanpa program.

Kategori Penaja Sementara merujuk kepada perniagaan statik di gerai atau petak tepi jalan menurut operasi yang ditetapkan. Jualan terhad kepada makanan dan minuman secara berbungkus sahaja. Lesen diberi ialah 'Lesen Waktu Terhad' atau 'Lesen Gerai Tepi Jalan'.

Bagi Kawan-kawan Kedai Kopi, pemutihan penaja merupakan talian hayat dan sikap prihatin DBKL terhadap peniaga dan penaja tanpa lesen.

Mural batik simbol aspirasi Malaysia MADANI

MERCU TANDA WARISAN, SENI

AZLAN ZAMBRY

MURAL Batik MADANI yang menghiasi Zon Jejak Pahlawan di Jalan Parlimen diiktiraf sebagai mural batik terbesar di negara ini, sekali gus menjadi simbol visual aspirasi Malaysia MADANI yang mengangkat nilai perpaduan, warisan dan seni kontemporari tempatan.

Majlis perasmian mural berskala mega itu disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa** dan turut dihadiri Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif serta Pengasas dan Penasihat Berjaya Corporation Berhad, Tan Sri Vincent Tan.

Dalam catatan di Facebook rasmi beliau, Zaliha menyifatkan lukisan tersebut sebagai gambaran sebenar semangat kebersamaan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

"Lukisan ini mencerminkan wajah sebenar masyarakat kita yang berbilang kaum, bersatu dalam kepelbagaian serta bersama-sama mengangkat seni warisan sebagai lambang kebanggaan negara," katanya.

Mural Batik MADANI itu berukuran sepanjang 183 meter, setinggi enam meter dan meliputi keluasan melebihi 1,100 meter persegi.

Ia menampilkan motif batik kontemporari melalui pendekatan seni visual moden yang menggabungkan naratif sejarah, jati diri kebangsaan serta aspirasi masa depan negara.

Reka bentuk mural ini menengahkan enam elemen utama, Sejarah Menganjak, Bangsa Pelapis, Pemacu Kemerdekaan, Bangsa yang Menyatukan, Khazanah Budaya dan Rupa Kota Berdaulat.

Projek ini merupakan hasil kerjasama strategik antara Dewan



ZALIHA (tengah) bersama rakan strategik bergambar di sebalik mural batik yang memaparkan nilai-nilai perpaduan.

Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Berjaya Group Berhad di bawah inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) serta menjadi antara *flagship* DBKL bagi tahun 2025.

Sementara itu, DBKL berkata mural ini turut menjadi pemangkin kepada pelaksanaan Program Anak Angkat Ruang Awam, yang membuka ruang kepada penglibatan sektor swasta dan masyarakat sivil dalam memperindah dan memulihara kawasan bandar seperti lorong belakang, laluan pejalan kaki dan taman-taman awam.

Kerja-kerja lukisan dimulakan pada 21 Februari dan berjaya disiapkan sepenuhnya pada 24 Mac lepas, iaitu 32 hari lebih awal daripada jadual asal.

Reka bentuk latarnya yang bersahaja dalam tona kelabu turut mengambil kira sensitiviti kawasan bersejarah di sekitar Taman Botani Perdana dan Taman Tugu, sambil mengekalkan impak visual yang kuat dan berestetika tinggi.

Zaliha menegaskan bahawa Kuala Lumpur kini bukan sahaja berkembang secara fizikal, tetapi turut subur dengan nilai-nilai kebudayaan dan semangat kebersamaan yang menjadi nadi sebuah kota bertaraf dunia.

"Syabas kepada DBKL, para seniman tempatan, rakan korporat dan seluruh komuniti yang menjayakan karya ini. Inilah naratif nasional yang dibentuk melalui semangat inklusif dan nilai perpaduan yang kukuh," katanya.

Animasi 'snakes and ladders'

PERMAINAN 'snakes and ladder' klasik diperkenalkan di Pusat Beli-Belah Alamanda bersempena Kempen The Golden Ticket.

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC Sdn Bhd, **Francis Tan** berkata kempen yang diadakan bermula 23 Mei hingga 8 Jun ini adalah anjuran kali kelima berturut-turut.

"Kempen The Golden Ticket telah menjadi tradisi tahunan yang dinantikan oleh pelanggan setia kami.

"Untuk edisi tahun ini, pihak Suria KLCC benar-benar menggandakan kemeriahan ke tahap seterusnya, memastikan semua yang menyertai pulang dengan senyuman," katanya.

Francis berkata kempen kali ini mengangkat tema

menyeronokkan yang diilhamkan daripada permainan ular dan tangga klasik.

"Pentas Centre Court akan dihias dengan tema flora dan fauna, dipenuhi dengan animasi 'snakes and ladders'.

"Untuk menyertai, pembeli yang berbelanja RM500 atau lebih dalam dua resit di mana-mana kedai terpilih boleh melontar dadu berwarna enam untuk peluang memenangi e-Baucar Alamanda bernilai sehingga RM1,000.

"Sebanyak 50 hadiah disediakan setiap hari dan peserta dijamin memenangi sesuatu dalam bentuk e-Baucar Beli-Belah Alamanda iaitu Goldn Ticket (RM1,000), Yellow Ticket (RM500) dan Blue Ticket (RM50)," katanya.



PENGUNJUNG berpeluang melontar dadu gergasi bagi memenangi RM1,000.

Program rohani jadi tumpuan

PELBAGAI program berunsurkan rohani disusun dalam memperkukuh lagi hubungan kerjasama strategik di antara Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif YWP, **Dr Abdul Basir V Kunhimohamed**, satu kunjungan hormat dilakukan pihaknya ke atas Pengarah JAWI, Haniffuddin Roslan di pejabat JAWI baru-baru ini.

"Kunjungan tersebut sebagai tanda sokongan dan komitmen bersama dalam memperkukuh kerjasama strategik antara YWP dan JAWI.

"Antara perkara yang dibincangkan termasuk inisiatif pelaksanaan program bersama di 10 Pusat Pemerkasaan Pendidikan &

Komuniti (PREPKOM) yang terletak di Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) sekitar ibu kota.

"Program ini merangkumi pelbagai aktiviti seperti kelas pengajian Al-Quran, program dakwah, pembangunan insan, kebajikan komuniti, sambutan hari kebesaran Islam serta program advokasi dan penguatkuasaan syariah," katanya.

Abdul Basir berkata kerjasama ini juga akan memberi manfaat besar kepada YWP untuk memperkasa warga kota, khususnya golongan berpendapatan rendah dan mereka yang memerlukan dengan menyediakan perkhidmatan yang lebih baik, terutamanya dalam aspek agama.

"Menerusi program-program yang diadakan juga akan dapat

melahirkan kanak-kanak yang lebih berakhlak dan menjiwai agama Islam yang sebenar seterusnya membentuk peribadi yang baik dan memberi impak positif kepada masyarakat.

"Semoga hubungan erat ini terus terjalin demi memperkasa pembangunan sahsiah dan kesejahteraan umat Islam di Wilayah Persekutuan," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Basir berkata YWP turut sentiasa terbuka untuk menjalin kerjasama bersama pihak lain termasuk swasta dalam merealisasikan misi dan visi pertubuhan tersebut.

"Diharapkan lebih banyak pihak swasta dan awam dapat bekerjasama dengan YWP dalam menjayakan inisiatif-inisiatif kebajikan yang telah dirancang," katanya.



ABDUL BASIR (empat dari kiri) ketika mengetuai delegasi YWP mengadakan kunjungan hormat ke atas Haniffuddin di pejabat JAWI.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kunjungan Tamu Kenegaraan Presiden Republik Guinea-Bissau, Jeneral Umara Sissoco Embalo di Perdana Putra pada Rabu.



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof menyantuni dan makan malam bersama diaspora dan pelajar Malaysia di Osaka sempena lawatan kerja rasminya ke Jepun baru-baru ini.



MENTERI Pendidikan, Fadhlina Sidek dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir mempengerusikan secara bersama Mesyuarat Penyelarasan Penubuhan Majlis Pendidikan Negara (MPN) yang diadakan di Kementerian Pendidikan Tinggi.



MENTERI Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu melancarkan Sustainable Agriculture Week di Pavilion Malaysia sempena World Expo 2025, Osaka, Jepun.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa melepaskan peserta SEGARUN: Smoking Endgame di Dataran DBKL sempena sambutan World No Tobacco Day 2025 (WNTD 2025).



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming mencatatkan sejarah bagi Malaysia apabila secara rasmi telah dipilih sebagai Presiden Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-Habitat) bagi penggal 2025-2029 dan berjaya membawa suara Malaysia ke pentas dunia.



17K

TERBAIK!



Kongsi

Suka



**BUKAN SEMUA PERHATIAN
DI MEDIA SOSIAL MEMBAWA KEBAIKAN**
**Pelihara Privasi, Hindari Kontroversi
dan Ambil Kira Akibatnya Nanti**



Suruhanjaya Komunikasi
dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



skmm_mcmc



MCMCTV

Penggantian paip sedang giat dilaksanakan

BEKALAN AIR SEMAKIN PULIH

KHAIRUL IDIN

ISU bekalan air bersih yang membelenggu penduduk di Labuan dilihat semakin pulih berbanding sebelum ini meskipun masih berlakunya gangguan bekalan itu secara berkala.

Tinjauan Wilayahku baru-baru ini mendapati kerja-kerja penyelenggaraan dan penggantian paip sedang giat dijalankan oleh pihak kontraktor yang dipilih bagi kerja-kerja tersebut di beberapa laluan utama.

Seorang peniaga, **Fauzi Rashid** memaklumkan dia berdepan dengan masalah itu sejak bertahun-tahun lalu yang memberikan kesan kepada perniagaannya.

Katanya masalah bekalan air di pulau ini telah sekian lama membelenggu penduduk di Labuan kerana struktur paip yang usang.

"Isu tiada air memang menjadi satu cabaran utama kepada penduduk Labuan lebih-lebih lagi kepada peniaga kecil seperti saya yang amat memerlukan sumber air bersih untuk berniaga. Jika tiada air bersih maka saya tidak dapat berniaga dan tiada penghasilan pendapatan dan itu amat memberikan kerugian kepada saya.

"Adakalanya jika tiada air saya terpaksa mengambil air bersih di tangki-tangki statik yang disediakan oleh Jabatan Air Labuan untuk mendapatkan bekalan air bersih.

"Masalah ini mendapat perhatian

sewajarnya oleh Kerajaan MADANI yang telah menyalurkan peruntukan bagi mengatasinya.

"Saya amat bersyukur kerana isu bekalan air ini pada masa akan datang atau dalam beberapa tahun lagi akan selesai. Untuk masa ini, tidak dinafikan gangguan bekalan air itu masih ada kerana saya faham penutupan bekalan air secara berkala dilakukan

untuk memberikan laluan kepada kerja-kerja penggantian paip," katanya kepada Wilayahku.

Beliau turut berharap kepada pihak yang berkaitan untuk mempercepat kerja-kerja penyelenggaraan dan penggantian paip itu kerana ia adalah sumber utama kepada penduduk di pulau ini.

Suri rumah, Emma Shawina Harun pula

berkata bekalan air di kawasan perumahannya dilihat semakin stabil sejak beberapa bulan lalu dan notis gangguan bekalan air semakin berkurangan berbanding sebelum ini.

"Sejak beberapa bulan ini, semakin kurang terdengar masalah paip pecah atau penutupan bekalan air berbanding dahulu boleh kira setiap minggu pasti ada saja laporan paip pecah yang menyebabkan kami di sini terputus bekalan air selama tiga ke empat hari lamanya.

"Walaupun sekarang ini penggantian paip baharu masih dilaksanakan namun ia memberikan



KERJA-KERJA penyelenggaraan dan penggantian paip giat dilaksanakan bagi meningkatkan bekalan air bersih kepada penduduk di Labuan.

satu nafas lega kepada kami kerana isu ini dapat diselesaikan," katanya.

Sementara itu, Ketua Kampung Belukut, Asmadi Ahmad mengakui mereka masih mengalami gangguan bekalan air sehingga kini.

Biarpun begitu pihaknya dan penduduk kampung amat memahami dengan status kerja-kerja penyelenggaraan dan penggantian paip yang akan mengambil masa untuk dilaksanakan.

"Namun saya berpendapat

agar jumlah tangki air statik yang diletakkan di kawasan kampung perlu ditambah kerana tangki yang ada ketika ini tidak mampu menampung keperluan penduduk terutama ketika berlakunya penutupan bekalan air dilaksanakan dalam tempoh penggantian paip baharu dilaksanakan.

"Selain itu, perkhidmatan penghantaran air bersih juga perlu ditambah baik, tidak hanya memfokuskan kepada premis perniagaan sahaja dan perlu

memberikan perhatian khusus kepada rumah kediaman penduduk yang agak jauh," katanya.

Pihaknya turut menzahirkan penghargaan kepada kerajaan yang cakna terhadap masalah utama Labuan dengan menyalurkan peruntukan besar bagi mengatasi masalah bekalan air.

"Terima kasih kepada Kerajaan MADANI yang terus memberikan perhatian terhadap isu penduduk Labuan sejak beberapa tahun lalu," katanya. 

Tambah baik fasiliti asas

PENGOPERASIAN semula perkhidmatan Feri Ekspres Labuan-Kota Kinabalu baru-baru ini mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai yang melihatnya sebagai penghubung utama kedua-dua wilayah.

Ia sebelum ini tergendala hampir tiga tahun susulan pandemik COVID-19 yang membantutkan kesalinghubungan serta sektor ekonomi dan pelancongan.

Tinjauan Wilayahku mendapati, rata-rata penduduk di pulau ini menarik nafas lega apabila perkhidmatan itu kembali beroperasi dan ia memberikan satu nilai tambah kepada mereka melakukan pelbagai urusan ke Sabah dengan pilihan pengangkutan yang ada.

Seorang penjawat awam, **Mohd Hazim Mohd Noor** menyifatkan pengoperasian semula perkhidmatan itu memudahkan penduduk, baik di Labuan mahupun di Sabah, untuk melakukan pelbagai urusan.

"Alhamdulillah, setelah tiga tahun



ORANG ramai menggunakan perkhidmatan Feri Ekspres Kota Kinabalu-Labuan yang kembali beroperasi.

akhirnya feri ekspres ini kembali beroperasi dan dapat memudahkan serta mempercepatkan lagi perjalanan ke Sabah (Kota Kinabalu).

"Sebelum ini, jika mempunyai urusan di Kota Kinabalu kita terpaksa menaiki feri ro-ro ke Menumbok yang

menjadikan tempoh perjalanan lebih panjang.

"Sekarang, kita mempunyai lebih pilihan perkhidmatan pengangkutan untuk ke Sabah. Ini sebenarnya amat menyenangkan penduduk terutamanya mereka yang sering ke

Sabah untuk mendapatkan rawatan kesihatan dan sebagainya," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut memberikan pandangan serta cadangan kepada pihak yang berkaitan agar menambah baik fasiliti perkhidmatan itu khususnya kemudahan jeti yang lebih selesa.

Katanya kadar tambang juga perlu dikaji semula kerana dilihat lebih tinggi berbanding sebelum ini.

Sementara itu, seorang mahasiswa, Ryeen Shah Sopian bersyukur dengan pengoperasian semula perkhidmatan feri tersebut kerana dapat memudahkan perjalanan secara terus di antara Kota Kinabalu ke Labuan.

Katanya ia amat membantu bukan sahaja dari segi jangka masa malah memberikan pilihan pengangkutan yang sebelum ini cukup terhad khususnya pada musim perayaan.

"Pihak berwajib perlu menyediakan kemudahan khas kepada penumpang orang kurang upaya (OKU) agar dapat memastikan

semua lapisan masyarakat mendapat pengalaman pelayaran yang lebih selesa.

"Dari segi keselesaan setakat ini dalam tahap memuaskan namun dari aspek kekemasan dan kebersihan perlu ditambah baik untuk menjamin keselesaan penumpang," katanya.

Pengembara dari Sabah, Milah Liang pula bersyukur kerana tidak perlu melakukan perjalanan jauh ke Menumbok untuk ke Labuan.

"Ia amat memudahkan lebih-lebih lagi pada musim perayaan yang sudah tentunya agak sesak dan terhad. Mengenai tambang pula bagi saya masih berpatutan walaupun ada kenaikan sedikit namun apa yang penting adalah keperluan perkhidmatan ini diteruskan," katanya.

Terdahulu, bermula Mei lalu, perkhidmatan feri ekspres antara Kota Kinabalu dan Labuan kembali beroperasi setelah beberapa kali mengalami penangguhan susulan masalah teknikal yang dihadapi. 

Tranformasi besar melalui Kota MADANI

PUTRAJAYA bakal mengalami transformasi besar menerusi pembangunan Kota MADANI, sebuah projek bandar pintar berkonsepkan kelestarian dan teknologi.

Malah ia dijangka menjadi model perbandaran masa depan berasaskan nilai MADANI.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa** berkata konsep pembangunan Kota MADANI telah dibentangkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai sebahagian daripada pelan strategik jangka panjang wilayah ini.

“Pembangunan Kota MADANI merupakan pelaburan strategik dalam merangka masa depan Putrajaya sebagai bandar contoh yang menyepadukan nilai MADANI serta seiring dengan visi Bandar C.H.A.S.E,” katanya.

Beliau berkata projek berkeluasan 102 ekar itu bakal menempatkan 10,000 unit kediaman kuarters yang dibina secara vertikal berintensiti tinggi,

berupaya menampung lebih 30,000 penduduk.

“Pembangunan Kota MADANI akan berpaksikan kepada teknologi kecerdasan buatan (AI), infrastruktur digital yang cekap serta sistem mobiliti hijau demi menjayakan aspirasi bandar rendah karbon yang menitikberatkan kelestarian, kesejahteraan dan keselamatan awam,” katanya.

Terdahulu pada 1 Januari lalu, Zaliha memperkenalkan visi Bandar C.H.A.S.E yang merangkumi lima teras utama iaitu *Clean* (bersih), *Healthy* (sihat), *Advanced* (maju), *Safe* (selamat) dan *Eco-Friendly* (mesra alam).

“Insya-Allah, majlis pecah tanah Kota MADANI dijadualkan berlangsung pada 26 Jun ini.

“Terima kasih kepada Perdana Menteri atas kepercayaan dan pandangan strategik dalam memperhalusi hala tuju pembangunan ini agar benar-benar menjadi pencetus kepada pembaharuan ruang bandar yang lebih manusiawi dan progresif,” katanya.



ZALIHA membentangkan projek Kota MADANI kepada Anwar sambil disaksikan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPJ), Datuk Fadlun Mak Ujud.

PPJ anjur Program Sukarelawan Furr Ever Friend

DIDIK MASYARAKAT KEBAJIKAN HAIWAN

SABRINA SABRE

PERBADANAN Putrajaya (PPJ) terus menunjukkan komitmen terhadap kebajikan haiwan terbiar dengan menganjurkan siri pertama Program Sukarelawan Furr Ever Friend, yang berlangsung dengan jayanya di Pusat Perlindungan Kucing Putrajaya, Presint 9.

Program komuniti ini memberi peluang kepada orang awam untuk terlibat secara langsung dalam penjagaan dan pengurusan kucing-kucing terbiar yang ditempatkan di pusat perlindungan milik PPJ.

Menurut Pengarah Bahagian Kesihatan Persekitaran, Jabatan Perkhidmatan Bandar PPJ, **Dr Mohd Helmi Abdul Hamid**, program ini bertujuan untuk membina kesedaran awam dan menyemai nilai keprihatinan terhadap haiwan menerusi penglibatan sukarela yang berstruktur dan beretika.

“Sukarelawan diberi pendedahan kepada tugas seperti penyediaan makanan, pembersihan ruang kurungan serta sesi interaksi bersama kucing-kucing terbiar. Ini bukan sahaja membantu kebajikan haiwan, malah mendidik masyarakat secara praktikal,” katanya.

Program Furr Ever Friend mula diperkenalkan kepada umum semasa Putrajaya Open Day 2025 dan menerima sambutan positif daripada para pengunjung.

Beliau berkata berdasarkan maklum balas memberangsangkan itu, pihaknya merancang untuk melaksanakannya secara berkala dengan pengumuman tarikh akan dibuat melalui saluran rasmi PPJ.



SUKARELAWAN menunjukkan komitmen tinggi dalam menjaga kebajikan haiwan terbiar di Pusat Perlindungan Kucing Putrajaya.

“Penyertaan program ini terbuka kepada individu berumur 18 tahun ke atas, sihat tubuh badan dan keutamaan diberikan kepada penduduk Putrajaya. Mereka yang mempunyai latar belakang atau pengalaman dalam bidang veterinar turut digalakkan menyertai.

“Selain memberi manfaat kepada haiwan terbiar, program ini juga membuka peluang kepada sukarelawan untuk menyumbang dalam suasana yang bermakna dan menenangkan sekali gus memupuk nilai empati, tanggungjawab dan kasih

sayang terhadap haiwan.

“Kami percaya bahawa inisiatif ini mampu menjadi penanda aras baharu dalam pengurusan haiwan terbiar yang lebih sistematik, berperikemanusiaan dan berkesan,” katanya berharap Furr Ever Friend dapat memacu ke arah persekitaran bandar yang lebih penyayang, seimbang dan lestari untuk semua.

Untuk maklumat lanjut atau penyertaan, orang ramai boleh mengikuti saluran rasmi PPJ di media sosial atau laman sesawang www.ppj.gov.my.



MOHD NA'IM menyaksikan penyerahan kotak kunci Surau Al-Firdaus daripada pihak MAIWP kepada jawatankuasa surau di Presint 11, Putrajaya.

Surau Al-Firdaus berwajah baharu

SURAU Al-Firdaus di Presint 11F yang terlibat dalam projek pembinaan semula dan dinantikan penduduk selama sembilan tahun akhirnya diserahkan secara rasmi untuk digunakan komuniti setempat.

Majlis penyerahan kunci disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar baru-baru ini.

Beliau berkata kelewatan projek tersebut berpunca daripada proses penambahbaikan teknikal bagi memenuhi keperluan kapasiti jemaah yang semakin bertambah serta memastikan reka bentuk surau benar-benar selari dengan kehendak komuniti.

“Pelan asal pembinaan hanyalah satu tingkat dengan kapasiti sekitar 1,000 jemaah.

“Namun, selepas Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) meneliti perkembangan penduduk di kawasan ini, terdapat keperluan untuk dibesarkan

struktur surau ini,” katanya.

Tambahnya keluasan asal surau berkenaan hanyalah 710 kaki persegi, namun selepas proses ubah suai, ia meningkat lebih dua kali ganda kepada 1,710 kaki persegi.

Katanya, perubahan tersebut secara langsung memberi kesan kepada tempoh pembinaan.

Susulan pelan penambahbaikan itu, kos keseluruhan projek turut meningkat daripada RM1.4 juta kepada hampir RM6.8 juta.

“Walaupun kos meningkat, ini merupakan pelaburan jangka panjang yang berbaloi demi keselesaan dan kesejahteraan komuniti Islam di Presint 11F,” katanya.

Projek pembinaan semula Surau Al-Firdaus merupakan antara inisiatif MAIWP dalam memperkasa kemudahan ibadah di Wilayah Persekutuan selaras dengan agenda pembangunan komuniti Islam yang inklusif dan mampan.

Pickleball Putrajaya Open

PLATFORM SUKAN BAHARU

SABRINA SABRE

PICKLEBALL Putrajaya Open bakal dianjurkan pada 14 dan 15 Jun ini sebagai satu inisiatif memperkenalkan sukan pickleball kepada masyarakat umum sambil mengumpulkan komuniti sedia ada bersaing secara sihat.

Presiden Persatuan Pickleball Wilayah Persekutuan Putrajaya, **Amir Farid Abdul Majid** berkata penganjuran kejohanan ini juga dilihat sebagai usaha untuk menjadikan Putrajaya sebagai salah satu pusat aktif bagi perkembangan sukan tersebut.

“Tujuan utama kami anjurkan kejohanan ini adalah untuk memperkenalkan sukan pickleball kepada lebih ramai orang, sambil kumpulkan komuniti sedia ada untuk bersaing secara sihat dan *enjoy*. Kita nak jadikan Putrajaya sebagai salah satu pusat aktif untuk sukan ini,” katanya kepada Wilayahku.

Menurutnya kejohanan ini menampilkan beberapa keunikan tersendiri yang membezakannya daripada kejohanan pickleball lain yang pernah dianjurkan.

“Lokasinya yang unik iaitu di Kompleks Kejiranan menjadikan suasana kejohanan lebih santai tetapi kompetitif dengan gabungan kategori



SUKAN pickleball semakin diminati rakyat Malaysia.

pemain daripada pelbagai peringkat iaitu *beginner* sampai profesional. Kita cuba bawa elemen hiburan dan gaya santai supaya semua orang berasa selesa dan seronok.

“Alhamdulillah, sambutan yang diterima memang luar jangkaan. Ramai peserta daripada komuniti Putrajaya yang berminat nak sertai, dan dari tempat lain pun ada contohnya Ipoh dan Seremban.

Ini menunjukkan minat terhadap pickleball memang tengah berkembang pesat sekarang,” katanya.

Beliau berkata Pickleball Putrajaya Open terbuka kepada semua peringkat umur dan tahap kemahiran. Malah, acara ini disifatkan inklusif serta sesuai untuk semua golongan masyarakat.

“Acara ni terbuka untuk semua,

tak kira umur, tahap permainan atau latar belakang. Sama ada baru nak cuba, atau dah lama main, semua dialu-alukan. Kita nak galakkan gaya hidup aktif dan sosial untuk semua golongan.

“Pelbagai inisiatif telah diambil oleh pihak penganjur bagi memperkenalkan sukan ini dengan lebih meluas kepada warga Putrajaya. Kita ada buat

demo percuma, sesi ‘try pickleball’, kerjasama dengan agensi setempat seperti sekolah-sekolah dalam Putrajaya dan juga promosi melalui media sosial. Harapan kita, bila orang nampak sukan ni *fun* dan mudah nak mula, makin ramai akan cuba.

“Selain pertandingan, pelbagai aktiviti sampingan turut diadakan bagi menarik minat pengunjung dan keluarga,” katanya.

Dalam masa sama, beliau turut menyuarakan harapan agar penganjuran kejohanan ini dapat menyumbang kepada pembangunan sukan pickleball di negara ini.

“Harapan kami, pickleball boleh jadi salah satu sukan komuniti yang popular di Malaysia serta medium untuk rapatkan hubungan antara masyarakat. Bila makin ramai main, barulah sukan ini boleh berkembang ke tahap lebih tinggi.

“Kami turut bercadang untuk menjadikan acara ini sebagai acara tahunan dengan perancangan memperluas skala pertandingan. Untuk masa depan, kita juga nak bawa kejohanan ni ke lokasi Kompleks Kejiranan lain dan mungkin akan anjurkan pertandingan di peringkat kebangsaan,” katanya.



PUTERA ADAM (tiga kiri) cipta sejarah sebagai pelumba Malaysia pertama naik podium dalam Lamborghini Super Trofeo Eropah 2025 di Monza, Itali.

Putera Adam ukir sejarah

PELUMBA muda negara, **Putera Adam Halim Muazzam** mencipta sejarah tersendiri apabila menjadi rakyat Malaysia pertama menaiki podium dalam kejuaraan Lamborghini Super Trofeo Eropah 2025, yang berlangsung di Litar Autodrom Kebangsaan Monza.

Bersama rakan sepasukan dari Perancis, Paul Levet, pasangan yang mewakili pasukan VSR (*Vincenzo Sospiri Racing*) dalam kategori PRO itu mempamerkan aksi luar biasa apabila berjaya menjuarai perlumbaan kedua, sekali gus mencatat kejayaan bersejarah buat Malaysia.

Sebelumnya, gandingan itu berdepan ujian getir apabila jentera

Huracan EVO2 mengalami masalah teknikal dalam perlumbaan pertama, memaksa mereka akur di tangga keenam walaupun memulakan saingan dari petak utama.

Namun, semangat juang mereka tidak luntur. Bermula dari petak kelapan dalam perlumbaan kedua, Putera Adam dan Levet bangkit bergaya dengan strategi pertukaran pemandu yang tepat pada waktunya.

Levet kemudiannya memintas pelumba pendahulu, Bergman dari Leipert Motorsport dan mengekalkan kedudukan sehingga ke garisan penamat dengan masa 48 minit 45.387 saat.

“Minggu ini penuh cabaran buat

kami, terutama apabila tidak dapat menjalani sesi latihan bebas dan mengalami kegagalan alternator dalam perlumbaan pertama.

“Alhamdulillah, kami berjaya bangkit dan menebus kekecewaan semalam dengan kemenangan ini. Ini adalah trofi pertama kami musim ini dan sangat bermakna,” kata atlet berusia 19 tahun itu dalam satu kenyataan.

Dengan kemenangan tersebut, Putera Adam dan Levet kini berada di kedudukan kelima keseluruhan dengan 26 mata. Mereka akan meneruskan cabaran dalam pusingan ketiga di Litar Spa-Francorchamps, Belgium pada 26 hingga 28 Jun ini.

2,000 pemanah dijangka sertai MITAF

MALAYSIA bakal menjadi tuan rumah kepada Malaysia *International Archery Festival* (MITAF) 2025, yang dijadual berlangsung pada 9 hingga 12 Oktober depan di Kwasa Damansara, Selangor.

Menurut Presiden Persatuan Mamanah Tradisional Malaysia (TAAM), **Zainurin Osman**, kejohanan bertaraf antarabangsa itu dijangka menarik penyertaan seramai 2,000 pemanah dari 15 negara termasuk Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, Brunei, Filipina, Kazakhstan, Turkiye dan Mongolia.

“MITAF 2025 merupakan kejohanan sulung anjuran TAAM sejak penubuhannya yang diiktiraf kerajaan pada 2022, dan sambutan yang diterima amat memberangsangkan,” katanya.

Beliau berkata sembilan atlet akan mewakili Malaysia dalam kejohanan itu iaitu tiga bagi kategori lelaki, tiga wanita dan tiga cilik yang dipilih daripada pemenang Kejohanan Mamanah Tradisional Kebangsaan 2025.

Dalam masa sama, Zainurin turut menyatakan harapan agar MITAF 2025 menjadi pentas penting dalam usaha melahirkan pelapis pemanah tradisional kebangsaan serta memperkukuh jalinan antarabangsa dalam sukan berkenaan.

“Kita jangka lebih 15,000 pengunjung akan membanjiri lokasi sepanjang empat hari kejohanan, menjadikannya antara acara memanah tradisional terbesar pernah diadakan di negara ini.

“Sebagai tarikan utama, hadiah keseluruhan bernilai AS\$30,000 disediakan untuk para pemenang,” katanya.

Sejak penubuhan TAAM pada 2022, beliau berkata usaha memartabatkan sukan memanah tradisional telah berjaya mengembangkan pengaruhnya di seluruh negara dengan pembentukan 16 persatuan peringkat negeri, tujuh persatuan daerah dan lebih 151 kelab memanah tradisional yang bernaung di bawah TAAM.

FOKL RAI KEPELBAGAIAN MUZIK

DIANA AMIR

DALAM usaha memperkukuh seni dan budaya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menganjurkan Festival Orkestra Kuala Lumpur (FOKL) 2025 bermula 31 Mei hingga 29 Jun ini.

Menurut DBKL, FOKL 2025 menjadi platform mengumpulkan orkestra profesional, orkestra amatir dan orkestra komuniti di Malaysia mahupun antarabangsa.

"Yang menarik dalam festival kali ini adalah orkestra antarabangsa akan mempersembahkan lagu-lagu yang penuh dengan ciri-ciri kebudayaan negara masing-masing serta menggunakan alat muzik tradisional mereka tersendiri.

"Antaranya pada 13 Jun ini CR Youth Symphony mempersembahkan alat muzik tradisional Cina dan orkestra Sandhana menggunakan alatan muzik dari India. Kita juga mempunyai persembahan yang memainkan alat muzik flute di mana penonton dapat melihat saiz alat muzik tersebut daripada kecil sehingga besar," katanya.

Selain itu, DBKL berkata FOKL 2025 menjadi medan dalam mencari bakat muda dari sekolah rendah dan menengah.

"Untuk makluman, pelajar sekolah rendah dan menengah juga akan mengambil bahagian dalam festival yang berlangsung di mana mereka akan melakukan



KONSERT amal yang diadakan bersempena penganjuran Festival Orkestra Kuala Lumpur 2025.

persembahan pada 17 dan 24 Jun ini bertempat di Auditorium DBKL.

"Bengkel muzik orkestra turut diadakan di mana ia melibatkan golongan belia menerusi program bengkel dengan Youth Wind

Orchestra dari Jerman.

"Forum serantau mengenai pengurusan orkestra yang menghimpunkan tokoh-tokoh muzik daripada pelbagai negara termasuk wakil Persatuan Orkestra Simfoni

Jepun, pengkritik muzik ternama dari Beijing serta pengarah orkestra berpengalaman dari Bangkok turut diadakan.

"Forum ini akan menjadi platform perbincangan dinamik untuk berkongsi pengalaman, cabaran serta amalan terbaik dalam pengurusan orkestra moden dan merangka strategi pembangunan industri muzik orkestra di Asia Timur dan Tenggara secara kolektif," katanya.

Tambahnya penganjuran FOKL 2025 adalah antara usaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai *liveable* dan *loveable city* serta menarik lebih ramai pelawat ke ibu negara.

"Apabila menganjurkan Festival Orkestra, selain menarik minat anak muda serta menjadi platform mereka ketengahankan bakat, ia mampu menarik pelancong dari dalam mahupun luar negara sekali gus membawa sinergi ekonomi yang positif kepada Kuala Lumpur.

"Penganjuran festival juga selaras dengan kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 di bawah kategori Music Tourism di mana ia akan memberi manfaat kepada warga kota, pemuzik, peniaga serta seluruh industri pelancongan di ibu kota," katanya.

DBKL berkata FOKL 2025 menjanjikan bukan sekadar festival muzik, tetapi satu sambutan

menyeluruh terhadap budaya, komuniti dan penyatuan bagi memperkukuh kedudukan Kuala Lumpur sebagai bandar raya berbudaya tinggi dan berdaya saing di peringkat global.

Jelasnya melalui kerjasama strategik bersama Kuala Lumpur Society, pihaknya turut menyasarkan peluasan skala penganjuran festival ini pada masa akan datang, dengan matlamat untuk memperkukuh kedudukan Kuala Lumpur sebagai pusat perkembangan seni muzik orkestra di rantau Asia Tenggara.

"Seterusnya bagi memastikan akses seni yang menyeluruh, DBKL turut berkolaborasi dengan Persatuan Kebajikan OKU GNB untuk memudahkan kehadiran dan penyertaan golongan kurang upaya (OKU) ke persembahan pilihan mereka.

"Langkah ini sejajar dengan komitmen DBKL untuk menjadikan seni sebagai medium perpaduan dan milik bersama seluruh warga kota," katanya.

Orang ramai boleh mendapatkan tiket masuk percuma bagi sebahagian besar persembahan melalui platform rasmi CloudJoi. Platform ini juga menyediakan jadual penuh persembahan dan maklumat lanjut mengenai program yang ditawarkan sepanjang festival berlangsung. 

'Nak buat konsert bukan mudah' - Fauziah Latiff

KETIKA penyanyi lain berlumba-lumba mengadakan konsert, penyanyi **Fauziah Latiff** yang cukup terkenal dengan lagu Teratai Madu Di Tasik Madu pula berfikir sebaliknya.

Penyanyi yang kini berusia 55 tahun itu berkata dia lebih selesa tidak terburu-buru menerima lamaran penganjur.

Lagipun kata Fauziah atau Jee, sekiranya ada rezeki dan andai satu hari nanti hatinya terbuka mengadakan konsert, dia mahu membuat persiapan serapinya.

"Kalau ada undangan konsert, persiapan mungkin makan masa. Nak buat konsert bukannya mudah, banyak perlu dilakukan. Bukan saja persiapan dari sudut produksi tetapi di pihak saya sendiri perlukan persiapan dua tiga kali ganda.

"Memang saya pernah dilamar beberapa penganjur, saya amat hargai ingatan mereka terhadap saya. Tapi saya minta mereka untuk berikan masa. Saya kena fikirkan apa yang saya boleh berikan semula kepada masyarakat, teman-teman dan

penyokong.

"Juga kepada mereka yang membesar dengan lagu-lagu saya dari awal hingga sekarang. Banyak persiapan yang perlu saya dan 'team' buat dan jujurnya saya takut kerana ini bukan sesuatu yang mudah sebaliknya satu tanggungjawab besar," katanya yang ditemui pada Konsert Jessie Chung World Tour 2025 di Arena of Stars, Genting Highlands baru-baru ini.

Jee sebagai penyanyi undangan pada konsert itu mendendangkan tiga buah lagu iaitu Dia dan Sekilas Senyumamu serta sebuah lagu duet bersama Jessie Chung atau JessC yang berjudul Tak Terpisah.

Menurut Jee, dia terharu apabila penyanyi kelahiran Malaysia namun bermastautin di Australia itu mengundangnya menjayakan konsert berkenaan.

Katanya peluang itu sedikit sebanyak mengubat rindunya kepada peminat.

"Melihat sorakan kira-kira 5,000 peminat yang hadir pada malam itu membuatkan Jee berasa amat

dihargai. Ini boleh saya katakan konsert berskala besar pertama walaupun saya hanyalah sekadar penyanyi undangan. Saya agak jarang berkolaborasi tetapi yang membuatkan saya tertarik untuk menerima tawaran JessC kerana saya tertarik dengan konsep konsert ini.

"Selain menyanyikan lagu dalam bahasa Cina, konsert ini ada banyak kepelbagaian kerana ada lagu dalam bahasa Inggeris dan juga Melayu. Saya juga kagum melihat 'teamwork' produksi yang memang bekerja dengan bersungguh-sungguh serta sangat menjaga penyanyi dan pasukan mereka," katanya.

Dalam pada itu, menerusi konsert yang berlangsung selama tiga jam itu, JessC menyampaikan sebanyak 33 lagu secara keseluruhan.

Tidak hanya itu, JessC turut menunjukkan skil bermain alat muzik seperti piano, keyboard dan gitar di atas pentas. 



FAUZIAH Latiff ketika diundang menjayakan konsert bersama JessC di Genting Highlands baru-baru ini.



Aidiladha bukan sekadar korban haiwan ternakan 'SEMBELIH' EGO, TAMAK, DUNIAWI

AZLAN ZAMBRY

HARI Raya Aidiladha, begitu juga dikenali Hari Raya Korban tersimpan makna sebenar ibadah korban yang perlu direnungi sedalam-dalamnya oleh umat Islam.

Ia bukan sekadar ritual penyembelihan haiwan, tetapi sebagai latihan spiritual untuk 'menyembelih' sifat buruk dalam diri; tamak, malas, ego dan cinta dunia.

Begitulah yang ditekankan pendakwah bebas, **Mohd Hanif Abdul Wahab** yang turut menegaskan bahawa korban bukan hanya mengenai darah dan daging, tetapi tentang pengorbanan yang lahir dari ketaatan mutlak kepada Allah dan empati terhadap manusia sejagat.

"Nabi Ibrahim sanggup mengorbankan anaknya atas perintah Allah. Itu bukan cerita semata-mata, tetapi simbol ketundukan dan pengorbanan tertinggi yang seharusnya menjadi contoh," katanya ketika dihubungi Wilayahku.

Namun, Mohd Hanif melahirkan kebimbangan terhadap segelintir masyarakat yang melaksanakan ibadah korban sekadar memenuhi adat tahunan tanpa penghayatan yang mendalam.

"Kita semakin sibuk dengan urusan dunia. Korban jadi acara

sosial, bukan momen muhasabah. Kita lupa, ini peluang setahun sekali untuk mendidik jiwa dan membersihkan hati," tegasnya.

Beliau turut menekankan bahawa ibadah ini mampu menjadi jambatan sosial dengan menyatukan golongan berkemampuan dan mereka yang memerlukan.

"Daging korban bukan untuk disimpan penuh peti ais sendiri. Ia mesti diagih kepada asnaf, gelandangan, miskin bandar, pekerja asing Muslim dan komuniti pedalaman yang sering terlepas pandang," tambahnya.

Menurut beliau korban juga harus difahami dalam bentuk lebih luas iaitu pengorbanan masa, tenaga, harta dan keinginan diri demi manfaat ummah.

"Anak muda yang tinggalkan hiburan demi kerja sukarelawan, penjawat awam yang tolak rasuah itu juga bentuk korban yang mulia. Ini soal mendahulukan reda Allah, bukan kehendak peribadi," katanya.

Mohd Hanif turut menyeru agar masjid, institusi pendidikan dan keluarga memainkan peranan aktif dalam mendidik generasi muda tentang makna sebenar korban.

"Kalau hanya tahu sembelih lembu tapi tak faham kenapa, itu bukan ibadah, itu hanya rutin.



IBADAH korban perlu dihayati sedalam-dalamnya, bukan sekadar menyembelih haiwan ternakan.

Pendidikan kena bermula dari kecil, tunjukkan contoh, bukan hanya hafal definisi," tegasnya.

Meskipun ramai rakyat Malaysia mula mengamalkan trend dengan

menyalurkan korban ke negara-negara bergolak seperti Palestin, Sudan dan Yaman, beliau mengingatkan agar kampung halaman tidak diabaikan.

"Bantu luar negara bagus, tapi jangan sampai jiran sebelah rumah lapar kita tak tahu. Kena seimbang, bantu yang jauh, tapi jangan lupakan yang dekat," katanya. 



SERTAI SALURAN TELEGRAM

t.me/wilayahku

UNTUK INFORMASI TERKINI!

IMBAS KOD QR

